



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA:

**ENCIK MUHAMMAD FAIRUS BIN ABDUL SHUKOR MENGENAI
PENGLIBATAN BELIAU DALAM SUKAN MOTOCROSS DI SEGAMAT, JOHOR
DARUL TAKZIM.**

DISEDIAKAN OLEH:

ANIS ALFEE BINTI ALI 2013715817

IZYAN SYAZWANI BINTI OMAR 2013106871

KELAS:

JIM2465B

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA:

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,
JOHOR KAMPUS SEGAMAT BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS**

IMR 604 – SEJARAH LISAN

SEMESTER 5 (MAC-JUN 2015)

SEKAPUR

SIREH

PENGHARGAAN



Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillah. Terlebih dahulu kami ingin mengucapkan syukur yang tidak terhingga kepada Allah s.w.t yang telah memberikan rahmat dan kesihatan yang baik kepada kami dan dengan izin-Nya juga kami dapat menyiapkan tugas berkenaan penulisan transkrip untuk subjek IMR 604 - Dokumentasi Sejarah Lisan yang diberikan ini dengan jayanya pada waktu yang telah ditetapkan. Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah subjek IMR 604 - Dokumentasi Sejarah Lisan, iaitu Encik Zul Azmi Bin Ishak yang begitu sabar mengajar kami sepanjang semester lima ini. Beliau telah memberikan banyak tunjuk ajar, galakan dan maklumat kepada kami bagi menyiapkan tugas ini. Tidak lupa juga, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa kami yang disayangi yang telah banyak memberikan sokongan moral, dorongan dan nasihat yang tidak putus-putus dari jauh. Setinggi-tinggi penghargaan kami tujukan kepada Encik Muhammad Fairus Bin Abdul Shukor yang menjadi pengkisah dalam penulisan transkrip kami ini. Beliau telah memberikan banyak maklumat dan kerjasama yang begitu baik sekali kepada kami semasa temubual sekaligus memenuhi keperluan subjek ini. Sesungguhnya kami sangat menghargai jasa beliau dalam membantu kami. Akhir sekali, kami juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah, rakan-rakan dan semua yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu kami. Allah sahaja yang dapat membalas jasa anda sekalian.

ISI KANDUNGAN

NO.	TAJUK	MUKA SURAT
1.0	PENGENALAN	1
2.0	ABSTRAK	3
3.0	SINGKATAN KATA	5
4.0	BIODATA PENULIS	7
5.0	BIODATA TOKOH	10
6.0	PENGENALAN DIRI TOKOH	12
7.0	TRANSKRIP WAWANCARA	14
8.0	NAMA INDIVIDU YANG DISEBUT	55
9.0	LOG WAWANCARA	57
10.0	KRONOLOGI	63
11.0	SENARAI SOALAN	65
12.0	RUMUSAN	70
13.0	RALAT	72
14.0	RUJUKAN	74
15.0	INDEKS	76
16.0	LAMPIRAN	79

PENGENALAN

1.0 PENGENALAN

Objektif kajian:-

- Menambah ilmu pengetahuan tentang bidang sukan motocross di Segamat.
- Menghargai tokoh-tokoh sukan motocross di Segamat.
- Mendapatkan gambaran sebenar mengenai sukan motocross di Segamat.

Kaedah kajian:-

Kaedah yang kami gunakan dalam melaksanakan temubual bersama tokoh sukan adalah seperti berikut:

- Melakukan pembacaan melalui pelbagai sumber seperti internet, surat khabar dan buku.
- Melakukan rujukan bersama pensyarah berkaitan prosedur serta nasihat dalam melaksanakan temubual bersama tokoh sukan.
- Mendapatkan keizinan dan persetujuan daripada tokoh sukan melalui perjumpaan serta panggilan telefon.
- Melakukan dua sesi pertemuan dengan tokoh sukan iaitu pertemuan pertama adalah untuk sesi suai kenal dan maklumat awal manakala sesi kedua adalah prosestemubual secara rasmi.

ABSTRAK

2.0 ABSTRAK

Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Muhammad Fairus Bin Abdul Shukor mengenai kerjaya beliau dalam bidang sukan motocross yang sudah melebihi 13 tahun berkecimpung dalam bidang ini. Transkrip temubual ini dijalankan di bilik mesyuarat Unit Kokurikulum di Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Km 12 Jalan Muar, 85000 Segamat, Johor Darul Takzim, Malaysia pada 11 Jun 2015 bermula jam 2.00 petang dan pada 22 Jun 2015 bermula jam 10.00 pagi. Beliau merupakan salah seorang kakitangan di Unit Kokurikulum dan juga merupakan seorang Pembantu Kokurikulum di Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Segamat, Johor Darul Takzim. Transkrip ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang beliau serta pengalaman beliau sepanjang penglibatan beliau di dalam bidang sukan motocross. Beliau turut menceritakan bagaimana beliau boleh berkecimpung dalam bidang sukan motocross ini dan beliau juga menceritakan tentang kejayaan yang telah beliau capai dalam bidang sukan motocross.

SINGKATAN KATA

3.0 SINGKATAN KATA

No.	Singkatan	Nama
1.	AAM	Automobile Association of Malaysia
2.	ABS	Acrylonitrile Butadiene Styrene
3.	AZ	Arizona Motocross
4.	BBQ	Barbeque
5.	CKD	Completely Knock Down
6.	KBS	Kementerian Belia & Sukan
7.	KEJORA	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara
8.	KL	Kuala Lumpur
9.	MAM	Motorsport Association of Malaysia
10.	MX	Motocross
11.	PD	Port Dickson
12.	PVC	Polyvinyl Chloride
13.	RM	Ringgit Malaysia
14.	SIC	Sepang International Circuit
15.	SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
16.	TV	Televisyen
17.	UiTM	Universiti Teknologi MARA
18.	US	United States

BIODATA PENULIS

4.0 BIODATA PENULIS

PENULIS 1 :



Nama : Izyan Syazwani Binti Omar

No. ID UiTM : 2013106871

Umur : 22 Tahun

Cita-cita : Pensyarah

Hobi : Membaca

Tarikh lahir : 16 September 1993

Tempat lahir : Hospital Besar Melaka

Nama Ibu : Rasidah Binti Ahmad

Nama Ayah : Omar Bin Bakar

Pendidikan awal : 1) Sekolah Kebangsaan Seri Mendapat
2) Sekolah Menengah Kebangsaan (A) Tun Perak
3) UiTM Johor Kampus Segamat

Status : Bujang

PENULIS 2 :



Nama : Anis Alfee Binti Ali
No. ID UiTM : 2013715817
Umur : 25 Tahun
Hobi : Menyanyi dan menari
Tarikh lahir : 31 Julai 1990
Tempat lahir : Hospital Pakar Abdul Samad
Nama Ibu : Sajjah Binti Jaafar
Nama Ayah : Ali Bin Omar
Pendidikan awal : 1) Sekolah Menengah Kebangsaan Impian Emas
2) UiTM Johor Kampus Segamat
Status : Bujang

BIODATA TOKOH

5.0 BIODATA TOKOH



Nama : Muhammad Fairus Bin Abdul Shukor

Umur : 29 Tahun

Pekerjaan : Pembantu Kokurikulum

Hobi : Berkonvoi dan menunggang motocross

Tarikh lahir : 28 Januari 1986

Tempat lahir : Hospital Segamat

Nama Ibu : Rokiah Binti Kadirun

Nama Ayah : Abdul Shukor Bin Abdul Majid

Pendidikan awal : 1) Sekolah Kebangsaan Kampung Jawa
2) Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Bentara Dalam

Status : Berkahwin

PENGENALAN DIRI TOKOH

6.0 PENGENALAN DIRI TOKOH

Atlet motocross Encik Muhammad Fairus Bin Abdul Shukor telah dilahirkan pada 28 Januari 1986 di Hospital Segamat dan berumur 29 tahun. Bapa beliau bernama Abdul Shukor Bin Abdul Majid manakala ibunya bernama Rokiah Binti Kadirun. Mempunyai seramai lima orang adik-beradik yang hampir kesemuanya melibatkan diri dalam sukan motocross. Beliau yang juga bekerja sebagai Pembantu Kokurikulum di UiTM Segamat dan sebagai jurulatih sambil telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Kampung Jawa di Segamat dan meneruskan pendidikan beliau sehingga SPM di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Bentara Dalam, Segamat. Hobi beliau adalah berkonvoi dan suka menunggang motocross pada waktu lapang. Beliau telah pun mendirikan rumah tangga kira-kira sebulan yang lepas. Selain itu, beliau juga mesra di sapa dengan nama Agus oleh kawan-kawannya di kampung dan juga rakan-rakan sepasukan. Sebelum bercerita dengan lebih panjang mengenai penglibatan beliau dalam motocross, beliau juga ada menceritakan tentang cita-cita sebenar beliau yang ingin menjadi ahli perniagaan yang berasaskan sukan permotoran, namun begitu disebabkan modal dan kekangan masa beliau menyimpan dahulu hasratnya untuk bergelar ahli perniagaan. Seterusnya, ditanya mengenai penglibatan beliau dalam motocross ini sebenarnya hampir belasan tahun beliau berkecimpung dalam sukan motocross ini. Sejak umur 15 tahun beliau melibatkan diri dalam sukan motocross, selain minat, bapanya juga sering membawa beliau dan juga adik-beradik yang lain untuk menyaksikan sendiri perlumbaan motocross yang diadakan di sekitar tempat tinggal beliau. Beliau juga sering melakukan aktiviti bermain motocross memandangkan terdapat tanah yang dijadikan litar motocross dihadapan rumah beliau. Sepanjang terlibat dalam sukan motocross ini beliau telah banyak kali meraih kejuaraan di dalam hampir setiap perlumbaan biar pun pernah beberapa kali mengalami kemalangan dan kecederaan yang agak serius pada anggota badannya. Selain bekerja di dalam sektor kerajaan beliau juga masih melibatkan diri dalam sukan motocross ini walaupun terdapat kekangan masa yang menghalang namun semangat di jiwa dan minat yang mendalam dalam dunia motocross tidak dapat mematahkan semangat beliau untuk terus beraksi dalam sukan ini sehinggalah bila-bila. Bahkan ditanya sampai bila beliau mahu terus beraksi, sampai tua katanya.

IZYAN : Apakah profession utama encik?

EN. FAIRUS : Profession utama saya sekarang ni [ini] saya bekerja sepenuh masa di UiTM sebagai pembantu kokurikulum dan sebagai jurulatih kokurikulum sambilan di UiTM Segamat (Bunyi perbualan diluar bilik mesyurat).

IZYAN : Apakah sebenarnya cita-cita encik?

EN. FAIRUS : (sambil batuk kecil) cita-cita saya sebenarnya nak membuka perniagaan berasaskan sukan permotoran aaa tapi disebabkan kekangan masa dan modal dan mungkin sebab aaaa ruang tu tak [tidak] ada jadi saya memilih untuk bekerja dalam sektor kerajaan sabagai pembantu kokurikulum lah kat UiTM ni [ini].

IZYAN : Apakah hobi encik?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] hobi saya sebenarnya segala dunia permotoran adalah hobi saya aa macam motor ni pun saya konvoi main [bermain] motor sampai luar Negara aaa motocross tu [itu] pun aa hobi saya jugak [juga], main *Go kart*, berbasikal ermm hobi saya jugak [juga] lah.

IZYAN : (Bunyi batuk) Aaaa adakah bahan bacaan yang encik baca khususnya dalam sukan motocross?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] bahan bacaan kalau macam majalah saya order [tempah] sebenarnya, saya order [tempah] *online* [dalam talian] lah aaa saya ambil secara, saya langgan setahun daripada majalah keluaran Australia biasanya yang biasa mengeluarkan majalah pasal [tentang] motocross ni [ini]. Untuk daripada US pun ada juga sebenarnya tapi kos terlampau tinggi jadi saya memilih untuk membeli bahan bacaan dari Australia. Tu [itu] kalau kita nak yang *up to date* [terkini] lah kalau yang berada di pasaran Malaysia biasanya dah ketinggalan kurang dua (2) tiga (3) bulan macam tulah [itu lah].

IZYAN : Adakah encik tahu sejarah motocross?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] sejarah motocross aaaa setahu saya la ea sejarah motocross ni [ini] lebih kurang tahun sembilan belas dua puluh empat (1924) dulu lah dia [motocross] dah kenalkan di British tapi aaa waktu tersebut aaa masyarakat Britain dia [masyarakat Britain] dia cuma (kerusi bergerak) dia cuma menjalankan aktiviti motocross ni sebagai satu sukan lah bukan sebagai satu

pertandingan sebab kan [akan] masa tersebut aaaa pelbagai syarikat permotoran yang berlumba-lumba untuk mengeluarkan motosikal jenis motocross pada masa tu [itu]. Jadi, jadi semakin lama aaa semakin banyak teknologi yang dikeluarkan jadi motocross ni [ini] semakin moden dan sehingga lebih kurang tahun sembilan belas sembilan puluhan (1990) syarikat Jepun aaa telah mula mengeluarkan motocross jadi Jepun ni [ini] sebenarnya memang pengeluar motocross yang terbesar lah kat dunia buat masa sekarang ni [ini] sebab semua jenis motor (sambil berdehem) macam kereta jugak [juga] memang Jepun dia punya, dia cipta la kan. Jadi, aaaa macam Europe ni [Eropah ini] dia cuma aaa dia *modified* [menambah baik] dia, dia menambah baiklah motocross yang sedia ada ni [ini]. Jadi, aaaa *start* [bermula] dari sembilan belas sembilan puluhan (1990) tu [itu], Jepun dah [sudah] aaa memenangi kejohanan dunia kategori dua ratus lima puluh (250) sisi lebih kurang sama sembilan belas tujuh puluhan (1970). Ok [baiklah] sembilan belas tujuh puluh lima (1975) pula, model seratus lima puluh (150) sisi dah [sudah] diperkenalkan di kejohanan dunia tapi aaaa pelumba saripada Europe [Eropah] tak menjadi juara sekitar tujuh puluhan (70) tapi tak [tidak] berapa lama Amerika Syarikat lebih lebih *advance* [maju] sebenarnya dalam *race* [perlumbaan] motocross ni [ini] sebab sehingga sekarang pun aaa Amerika Syarikat ni [ini] dia ramai atlet motocross yang, yang *world class* [taraf dunia] lah sehingga sekarang ni [ini] sebab saya pun belajar daripada youtube AS ni [ini] jugak [juga]. Jadi memang kita tahulah kan Amerika Syarikat ni [ini] dia daripada tahun lapan puluhan (80) sampai sekarang ni [ini] memang dia memonopoli sukan motocross ni [ini].

IZYAN : Bilakah motocross bertapak di Malaysia?

EN. FAIRUS : Motocross, ok [baiklah] motocross aaa masuk Malaysia lebih kurang aaa tahun lapan puluhan (80) lah tapi masa awal lapan puluhan (80) tu rakyat Malaysia ni [ini] dia tak [tidak] berapa minat motocross, tak [tidak] terdedah dengan sukan motocross sebab aaa rakyat Malaysia lebih *focus* [tertumpu] pada sukan Moto GP yang lebih popular masa tu [itu], aaa Culprit pun masa tu [itu] agak popular, jadi aaa setiap tahun tu [itu] dalam kalendar kejohanan motor dalam Malaysia ni [ini] aa memang Moto GP dan Culprit la yang mendominasi aaa kalendar kejohanan motosikal lebih kurang tahun lapan

puluhan [80] sampai sembilan puluhan (90) tapi (sambil berdehem) semasa awal sembilan puluhan (90) kalau tak [tidak] silap saya ada persatuan dan orang perseorangan yang menganjurkan kejohanan aaa motocross dan cup cross untuk menghargai dan mencari bakat-bakat baru di Malaysia. Contoh, macam aaa Trimus awal tahun sembilan puluhan (90) dulu dia, dia dah [sudah] menganjurkan perlumbaan yang dinamakan “*Trimus Livita*” kalau tak [tidak] silap saya. Masa tu [itu] pon saya tadika lagi, sekolah rendah masa tu [itu] aaaa perlumbaan pertama saya, saya tengok tahun sembilan belas sembilan puluh tiga (1993) lebih kurang dekat PD mase tu dekat area [kawasan] Lukut. Mase tu [itu] Trimus inilah [inilah] yang memperkenalkan sukan motocross dekat Malaysia. (izyan menyampuk). Lepas, lepas pertengahan sembilan puluhan (90) aaa sukan motocross ni [ini] dia dah [sudah] ramai dah [sudah] mula ramai peminat la sehingga tahun dua ribu (2000) dan lepas dua ribu (2000) tu [itu] hingga sekarang makin lama semakin ramai yang minat motocross sebab yang minat sebab pendedahan kan. Ok [baiklah]. Motorcross, motocross Malaysia ni [ini] aaa semakin lama semakin membangun aaa disebabkan yelah [iyalah] kategori-kategori dalam Malaysia ni [ini] yang makin lama makin banyak macam supercross, arenacross, *freestyle* (sambil berdehem) yang melahirkan banyak pelumba yang masing-masing nak tunjukkan *skill* [kemahiran] dia orang [mereka] macam *stuntman* [orang yang melakukan aksi lagak ngeri] kan tu [itu] yang motocross Malaysia ni [ini] makin lama makin menjadi kegilaan remaja zaman sekarang ni [ini]. (bunyi perbualan di luar bilik mesyuarat). Tapi motocross Malaysia ni [ini] dia bukan setakat aaa nak tunjukkan *skill* [kemahiran] atau tunjukkan aaa kepantasan kelajuan semua tapi ada juga *racer* [pelumba] yang menjadikan aaa *track-track* [litar-litar] dengan *event* [aktiviti] ni [ini] semua sebagai satu *benchmark* aaa kadang-kadang dia orang [mereka] macam untuk tunjukkan jentera masing-masing, motor masing-masing, mana yang paling *latest* [terkini] paling *up to date* [terbaru] macam tulah [itulah].

IZYAN : Sejak umur berapa dan bagaimana encik berkecimpung dalam motocross?

EN. FAIRUS : Ok (baiklah) saya aaa berkecimpung dalam motocross lebih kurang umur saya lima belas (15) tahun lima belas (15) tahun aaa pada asalnya saya

memang minat daripada kecil aaa ayah saya pun sering bawa saya pergi tengok *race* (perlumbaan) zaman dulu *race* [perlumbaan] Trimus Livita la dekat sekitar Johor, PD, Melaka aaa bapak [bapa] saya akan bawa [bawa] saya pergi la adik-beradik semua pergi tengok. Start [bermula] saya daripada tadika dulu bapak [bapa] saya dah [sudah] bawa [bawa], jadi aaa pada tahun, awal tahun dua ribu (2000) aaa bermulalah siri motocross jelajah Johor dan kebetulan pada masa tu [itu] berdekatan rumah saya, berhadapan rumah saya sebenarnya aaa ada satu (1) tanah yang dijadikan litar motocross jadi aaa saya pun ambil kesempatan dimana litar motocross dihadapan rumah saya tu [itu] saya jadikan tempat untuk permulaan.. permulaan *career* [kerjaya] saya dalam motocross.

IZYAN : Ada berapa jenis motocross?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] motocross ni [ini] sebenarnya terlalu banyak jenis ok [baiklah] jenis yang kalau kita boleh tengok atas jalan raya macam orang, orang biasa pakai [guna] mungkin keluaran Malaysia, Jepun, Taiwan, China itu biasanya dipanggil Motad. Motad ni [ini] dia menggunakan tayar, tayar yang lain daripada motocross sebab tayar dia memang digunakan untuk atas tar atas jalan raya, tayar dia sama macam tayar motor-motor biasa. Ok [baiklah] untuk motor aaa motor trail pula motor trail ni [ini] dia, dia punya rupa luaran dia, dia lebih kurang macam, dia, dia motocross tapi dia punya sistem *suspension* [suspensi] dia punya kekuatan enjin, hos *power* [kuasa] dia aaa dia berlainan daripada motocross yang orang panggil AZ motocross ni [ini] sebab dia digunakan untuk perjalanan jauh untuk bermain aaa rentas desa orang panggil rentas desa lah maksudnya aaa untuk trail ni [ini] biasanya orang akan pergi aaa tiga ratus (300) kilometer empat ratus (400) kilometer aaa melalui jalan hutan, mungkin ada juga macam saya pergi dulu *trip* [lawatan] yang tiga (3) hari dua (2) malam macam pergi *start* [bermula] di Pahang dan berakhir di Gua Musang, tiga (3) hari dua (2) malam di Gonzales aaa macam tu lah [itulah] untuk trail lah. Untuk motocross pula aaa dia orang lebih aaa kebiasaannya orang memanggil eh orang tak [tidak] panggil motocross orang panggil supercross kalau orang yang da [sudah] biasa dia akan panggil supercross. Supercross ni [ini] dia memang betul-betul untuk kegunaan aaa litar sahaja sebab aaa dia punya *suspension* [suspense] dia *special* [istimewa]

dia punya chassis [kerangka] dia aloi yang lebih ringan lah daripada motor trail ni [ini] sebab dalam perlumbaan ni [ini] dia nak kepantasan nak kelajuan dia nak lompat lebih tinggi macam *freestyle* [gaya bebas] juga jadi dia memerlukan aaa kuasa enjin dan (sambil berdehem) *body, body* [badan] yang ringan lah untuk *chassis* [kerangka] yang ringan untuk buat pergerakan semua.ok [baiklah] untuk *freestyle* [gaya bebas] pula motor, motor yang digunakan adalah sama dengan aaa supercross cuma aaa luaran dia biasa dia aaa kita ubah suai, ubah suai untuk melakukan aksi-aksi lah jadi untuk melakukan aksi-aksi itu dia memerlukan tempat pemegang aaa di belakang mungkin di hadapan jadi aaa sedikit, sedikit ubah suai akan dilakukanlah pada motor tersebut.

IZYAN : Apakah jenis litar yang digunakan?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] jenis litar yang digunakan kalau di Malaysia kita cuma ada aaa dua (2) jenis jelah [sahaja] kalau tak [tidak] silap saya lah setahu sayalah. Kita cuma ada aaa *flat track* [litar rata] dan aaa *track MX* [litar MX] lah. MX ni [ini] aaa singkatan kepada motocross jadi *track* [litar] motocross ni [ini] dia punya spec [spesifikasi] mestilah satu *point* [titik] dua (1.2) kilometer ke atas aaa barulah dia boleh buat boleh dijadikan *track* [litar] motocross. Ok [baiklah] untuk *flat track* [litar rata] aaa istilah *flat track* [litar rata] ni [ini] digunakan untuk perlumbaan kategori trail yang menggunakan motosikal jenis trail, cupcross dan aaa motosikal yang dipasang di Malaysia iaitu CKD la dipanggil *flat track* [litar rata] sebab aaa *track* [litar] ni [ini] dia tiada, tiada lompatan-lompatan besar yang akan dilakukan cuma lompatan-lompatan kecil aaa dan rintangan dia macam kayu balak dan anak-anak sungai yang tu [itu] jelah [sajalah] sebab dia bersesuaian dengan suspension [suspensi] yang digunakanlah untuk *flat track* [litar rata] tu [itu].

IZYAN : Erm berapa jenis motocross yang encik miliki?

EN. FAIRUS : ok [baiklah] buat masa ni [ini] aaa saya ada empat (4) sebenarnya motocross, ok [baiklah] aaa empat (4) tu pula saya gunakan untuk kategori yang berbeza. Ok [baiklah] untuk aaa motor saya yang pertama Honda CRF dua lima kosong (250) aaa dua ratus lima puluh (250) sisi empat (4) lejang biasanya saya akan gunakan aaa untuk kategori *novis A* [permulaan] ataupun *expert* [professional]

aaa motor Honda tu [itu] saya beli (sambil berdehem) sebenarnya aaa saya beli aaa motor terpakai di, di Thailand la sebab di Thailand ni [ini] aaa kita banyak pilihan dan harga juga murah berbanding aaa Singapura. Singapura pun ada juga banyak motocross aaa *second hand* [terpakai] ada baru ada tapi dia mahallah harga dia pasal *rate* [kadar] duit dia kan. Ok [baiklah] untuk motor yag kedua (2) saya ada Yamaha YZ satu dua lima (125) aaa seratus dua puluh lima (125) sisi dua (2) lejang. Motocross ni [ini] motocross YZ ni [ini] kebiasaanya saya guna untuk *free practice* [berlatih] la kat [dekat] depan rumah ataupun sekitar Johor ikut kawan-kawan yang dekat-dekatlah. Ok [baiklah] yang ketiga (3) saya ada sebiji motor cupcross yang saya modifikasi daripada motor, motor biasa yang digunakan di atas jalan tapi aaa di *modified* [ubah suai] untuk jadikan senuah motocross bagi satu (1) kategori yang lain sebab untuk cupcross ni [ini] dia aka nada kategori yang lain lah untuk perlumbaan. Ok [baiklah] satu lagi motocross yang keempat (4) saya ada motor Demax satu lima kosong (150). Untuk Demax satu lima kosong (150) ni [ini] pun saya aaa ada *modified* [ubah suai] juga sikit-sikit untuk masuk perlumbaan kategori CKD satu lima kosong (150). Ok [baiklah] tu jelah [sahajalah] motor yang saya ada empat biji.

IZYAN : Dari manakah encik mendapatkan atau membeli motocross ni [ini]?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] aaa waktu dulu saya pernah beli motor baru, motor baru saya beli saya *order* [tempah] *direct order* [tempah terus] (bunga telefon berdering) dengan ejen. Ejen Kawasaki di KL pon ada aaa dengan Naza Byte pun boleh aaa tapi harga dia mahal sikitlah kalau kita pandai kita boleh *order* [tempah] sendiri *direct online* [terus dalam talian] tapi kita kena tanggung kos *shipping* [perkapalan] lah sebab motocross ni [ini] *fully imported* [import sepenuhnya] dia bukannya *local assamble* [dipasang di tempatan] atau pun dia ada jual dekat kedai-kedai motor biasa jadi kita kena beli dengan *authorized dealer* [pengedar yang bertanggungjawab] atau pun kita *direct order* [terus tempah] Jepun ataupun Europe [Eropah] lah ikut model yang kita nak.

IZYAN : Adakah penggunaan spek mempengaruhi sukan motocross?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] aaa motocross ni [ini] dia lain, lain jenama lain spek dia sebenarnya yang sebenarnya aaa walaupun kita tengok sisi dia tu [itu] macam sama tapi aaa spek die berbeza-beza macam KTM [sejenis motocross] mungkin ada orang kata KTM ni [ini] dia lebih, lebih power, aaa Savannah [sejenis motocross] ni [ini] orang kata lebih power dari KTM tapi yang terbaru ni [ini] pula orang kata Husaberg [sejenis motocross] lagi *power* [berkuasa] dari dua ni [ini] tapi Jepun tetap ramai orang Malaysia yang pakai aaa tapi yang sebenarnya pada saya spek ni pun memam, memang mempengaruhilah sebab aaa yelah [iyalah] macam motocross ni [ini] dia, dia orang kata dia *factory racing* [pengeluaran kilang] dia dikeluarkan dari kilang memang dia da spek *racing* [lumba] aaa cuma jenama ni [ini] yang cuma perbezaan jenamalah yang menentukan aaa spek dia ni [ini] lebih, lebih bagus daripada model yang lain. (bunyi mesin fotokopi).

IZYAN : Apakah yang dimaksudkan dengan permainan *freestyle* [gaya bebas]

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] untuk permainan *freestyle* aaa sebenarnya *freestyle* ni [ini] dalam Malaysia aaa yang saya dapat tahu baru-baru ini adalah (bunyi kerusi bergerak) dalam dua (2) orang dari Shah Alam yang dah [sudah] cuba-cuba bermain dengan sukan inilah Azri Hj Mahadi dan sorang lagi saya tak [tidak] pastilah tapi aaa sukan *freestyle* ni [ini] dia sebenarnya dia adalah sukan motocross tapi dia skop yang berbeza daripada perlumbaan sebab aaa *freestyle* ni [ini] dia menggunakan kiraan mata aaa menggunakan kiraan matalah, kiraan mata dalam masa lah aaa untuk sukan *freestyle* ni [ini] aaa tempat yang digunakan adalah berbeza sebab aaa dia punya jam dia tidak menggunakan tanah dia menggunakan ram sebab dia, dia memerlukan aaa darjah-darjah aaa ketinggian untuk melompatlah jadi dia punya, kebiasaanya *freestyle* ni [ini] dia main [bermain] di tempat tertutup aaa sebab dia tidak memerlukan ruang yang terlalu besar dia cuma memerlukan dua (2) atau tiga (3) tiga lompatan yang berbeza. Jadi, dia memang tak, tak [tidak] memerlukan ruang yang besar, walaupun macam tu tapi kos dia sangat besar sebab motor yang digunakan perlu *modified* [ubah suai] aaa dia punya *handle* [pemegang] *modified* die

punya *seat* [tempat duduk] semua *modified* aaa mungkin enjin pun saya setahu saya die *modify* juga untuk tambah lebih *power* [kuasa].

IZYAN : Erm apakah cara untuk memastikan kemenangan dalam motocross ini?

EN. FAIRUS : (sambil berdehem) ok [baiklah] aaa dalam perlumbaan motocross di litar biasanya aaa setiap kategori diperuntukan masa. Ok [baiklah] contoh kategori *expert* [professional] dia akan beri masa dua puluh (20) minit *plus* [tambah] dua (2) *lap* [pusingan]. Ok [baiklah] maksudnya aaa para semua pelumba dia mesti menghabiskan berlumba dalam masa dua puluh (20) minit dan setelah dua puluh (20) minit itu habis aaa papan dua (2) *lap* [pusingan] akan dinaikkan yang menandakan aaa semua pelumba ada lagi dua (2) *lap* [pusingan] untuk dihabiskan. Ok [baiklah] untuk aaa tapi aaa mungkin orang aaa akan rasa aaa sistem tersebut mungkin aaa susahlah kita nak dapat tahu siapa yang, yang terlaju ke yang terawal ke tapi aaa rasanya kalau *race* [perlumbaan] yang aaa *AM qualified* [layak] ni [ini] biasanya dia akan gunakan transpondent la jadi tak [tidak] ada masalah lah untuk kita tentukan aaa siapa yang terawal siapa yang terlaju sebab setiap perlumbaan dia akan keluarkan analisa untuk masa kepantasan aaaberapa pusingan dia dah [sudah] buat ok [baiklah] jadi transpondent tulah [itulah] sebenarnya yang, yang penting.

IZYAN : Apakah yang dimaksudkan dengan *expert* [professional] dan *novis* [permulaan]?

EN. FAIRUS : (sambil batuk kecil) Ok [baiklah] untuk kategori *expert* dan *novis* sebenarnya ia kategori aaa yang menentukan dimana seseorang pelumba itu untuk layak berlumba. Ia macam aaa untuk kategori *novis* aaa semua peserta baru pelumba baru yang baru belajar atau pun yang baru pertama kali berlumba dia akan masuk dia akan ditempatkan dalam kategori *novis* [permulaan] untuk beberapa lama jadi untuk, untuk menentukan sebenarnya dia ade lesen motocross ni [ini] jadi aaa segala kemenangan aaa pusingan berapa kali *race* dia akan catat kan dalam, dalam lesen tersebut untuk menentukan aaa tahap satu (1) masa di mana pelumba ni [ini] dia akan pergi ke *gred expert* [tahap professional] dia

akan naik *gred* [tahap] contoh ok [baiklah] macam seorang *rider* [pelumba] ni [ini] dia, dia jadi *champion*

[juara] atau pun *Top three* (3) [tiga teratas] atau *Top five* (5) [lima teratas] aaa dalam satu siri untuk setahun tu [itu] lebih kurang lima (5) kali jadi untuk tahun berikutnya dia dah [sudah] aaa dia dah [sudah] layak bermain kategori *expert* [professional] lah jadi bila pelumba ni [ini] dia da [sudah] layak main [bermain] kategori *expert* [professional] dia tak [tidak] boleh main [bermain] kategori *novis* [permulaan] semula aaa jadi kategori *novis* boleh bermain *expert* tapi *expert* tak [tidak] boleh main [bermain] *novis* aaa itulah maksudnya *novis* ni [ini] untuk *beginner*, *expert* ni [ini] untuk pro [professional].

IZYAN : Bila dan bagaimanakah encik mendapatkan lesen?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] aaa lessen motocross saya, saya dapat daripada tahun pertama saya menyertai sukan motocross ni [ini] untuk, tahun pertama dulu aaa *Sepang International Circuit* (SIC) aaa yang bertanggungjawab untuk aaa menyediakan lesen aaa untuk perlumbaan motocross jadi lesen motocross ni [ini] dibawah, dibawah naungan AAM sebenarnya *Automobile Association of Malaysia*. Jadi lesen motocross ni [ini] dia bukan sekadar lesen motocross sebenarnya dia kita boelh *upgrade* [naik taraf] lesen motocross ni [ini] untuk main [bermain] Culprit untuk main [bermain] Go Kart untuk main [bermain] *international* [antarabangsa] lah jadi aaa selepas tahun dua ribu tujuh (2007) aaa SIC tak [tidak] lagi menyediakan aaa tak [tidak] lagi menjadi panel untuk lesen perlumbaan dan sejak daripada itu pihak MAM pula mengambil alih iaitu *Malaysia automobile* saya pun tak [tidak] pasti tapi MAM lah. MAM *company* [syarikat] yang mengambil alih daripada SIC untuk membuat lesen perlumbaanlah sama untuk perlumbaan motocross aaa Culprit, *on road* semua dia boleh buatlah. (sambil berdehem).

IZYAN : Apakah pemakain juga mempengaruhi sukan motocross?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] aaa pemakaian, pemakaian sebenarnya mempengaruhi mental ok [baiklah] aaa sebab pakaian motocross ni [ini] kalau kita tengok baju dia macam tak confident [yakin] pun sebab baju dia nipis tapi sebenarnya dia nipis sebab aaa dia membolehkan angin-angin kena pada badan jadi motocross ni

[ini] aaa dia baju motocross ni [ini] dia memang sangat-sangat mempengaruhi sebab kita tak [tidak] tahu kelajuan motor kita untuk naik ke sesuatu aaa macam untuk mengagak aaa jarak kita jadi aaa dengan memakai baju yang nipis tersebut kita dapat rasa angin tu [itu] dan kita boleh, boleh agak *speed* [kelajuan] kita berapa banyak aaa macam bajulah tapi kalau seluar, seluar dia memang ada *special* [istimewa] sikit la di bahagian peha dia ada lapisan kulit yang tebal untuk tahan panas sebab motocross ni [ini] enjin dia panas *chassis* [kerangka] die pun panas sebab dia aloi aaa untuk bahagian punggung pun sama sebab dia ada satu lapik membolehkan kita duduk, duduk selesa di atas tempat duduk motocross tu [itu]. Untuk kasut pula (sambil batuk kecil) kasut motocross ni [ini] aaa adalah peralatan yang paling mahal untuk pakaian motocross sebab ciri-ciri keselamatan yang paling tinggi adalah pada buku lali sebab itu kasut motocross ni [ini] dia keras aaa dan sebab tu [itu] la juga dia adalah yang paling mahal yang paling murah pun tak [tidak] silap saya dalam harga lapan ratus (800) yang paling mahal boleh jejak harga tiga ribu (3000) ringgit RM. Untul helmet aaa helmet memang semua diwajibkanlah tak [tidak] kira kita main [bermain] trail kita main [bermain] praktis ke kita *race* [lumba] memang kita diwajibkan memakai helmetlah. Helmet motocross juga dia ada, dia ada spek dialah dia ade *cap* [topi] sikit depan tu [itu] supaya *cap* [topi] tu sebenarnya kegunaan dia untuk menghalang aaa lumpur kalau pelumba ini dia main [bermain] dalam keadaan hujan keadaan becak jadi *cap* [topi] tu [itu] memang untuk menghalang lumpur daripada terkena goggle lah dan masuk mata.

IZYAN : Apakah bahan yang digunakan dalam membuat pakaian sukan motocross ini?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] untuk aaa helmet kebiasaannya aaa *carbon fiber* ataupun *fiber* sebab *material* [bahan] dia lebih, lebih tahan lebih keras dan lebih ringan sebab motocross ni [ini] dia main [bermain] lama kan jadi aaa kalau terlampau berat pun kita jadi tak [tidak] selesa. Ok [baiklah] untuk baju aaa kain dia kain macam kain jersi biasa jer [sahaja] sebab dia aaa tak [tidak] serap peluh. Ok [baiklah] untuk *chest guard* [pelindung dada] untuk pelindung, pelindung dada aaa *material* [bahan] biasanya aaa plastik, plastik ape saya tak [tidak] pastilah ABS [*Acrylonitrile butadiene styrene*] plastic aaa sebab dia sebab menghalang

batu daripada kena dada. Ok [baiklah] untuk seluar dia seluar, seluar ni [ini] kain biasa tapi macam dekat peha aaa dan punggung dia ada bahagian yang menggunakan *material* [bahan] kulit aaa sebab untuk tahan panas, panas enjin dan ekzos kat [dekat] belakang. Ok [baiklah] untuk kasut plak, untuk kasut aaa lapan puluh (80) *percent* [peratus] *material* dia menggunakan PVC dua puluh (20) *percent* [peratus] menggunakan kulit tapi ada juga kasut yang ada *material* [bahan] besi dekat depan dia sebab yelah [ialah] kaki bahagian paling berisiko untuk mendapat kecederaan jadi *material* [bahan] yang paling keras dalam pakaian motocross ni [ini] helmet dan kasut.

IZYAN : Pada pandangan encik, apakah keistimewaan sukan motocross?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] erm pada saya sukan motocross ni [ini] dia sangat berbeza daripada sukan padang aaa dan sukan permotoran yang lain sebab aaa dia memerlukan aaa motor yang lain aaa pastu [selepas itu] dia tak [tidak] memerlukan satu orang kata kita nak [hendak] main [bermain] motocross ni [ini] kita tak [tidak] kalau kita tak [tidak] ada litar pun kita masih boleh main [bermain] di kawasan kebun di kawasan ladang aaa yang penting kita ada motor kita ada keberanian aaa tak [tidak] perlu kawan pun kita boleh tak [tidak] macam bola kalau kita dalam main [bermain] bola ni [ini] kira sorang-sorang tak [tidak] main bermain] bola kan aaa nak [perlu] kena ada sebelas (11) orang macam motocross ni [ini] sorang-sorang pun kita boleh main [bermain] yang penting kita ada motor, tempat nombor dua (2) yang penting ada motor, itulah. (Batuk terbahak-bahak)

IZYAN : Apakah pencapaian tertinggi encik?

EN. FAIRUS : pencapaian tertinggi saya setakat ni [ini] aaa takde [tiada] lah setinggi mana saya aaa main motocross kerap kali main [bermain] aaa dalam masa sebulan tu [itu] mesti ada sekali main [bermain] lah tapi nak kata menang selalu tu [itu] tak [tidak] juga tapi adalah *Top ten* [10 teratas] aaa kebiasaannya tapi setakat ni [ini] pencapaian tertinggi saya pernah dapat *ranking first* [peringkat utama] lah Open Johor aaa tertutup Johor pun pernah dapat aaa nombor satu (1) juga kategori *expert* [professional] dengan *novis* [permulaan] aaa untuk cupcross saya pernah dapat *champion* [juara] juga untuk *Cupcross Open* untuk kategori CKD saya pernah dapat *champion* [juara] juga aaa untuk kategori trail pun

saya pernah dapat *champion* [juara] juga tapi itu dululah aaa kebelakangan ini saya dah, dah [sudah] kuranglah naik *podium* [pentas] tapi masih, masih berada dalam kelompok *Top ten* lah [10 teratas] sebab sekarang ni [ini] ramai, ramai muka baru yang lebih-lebih handal lebih hebat.

IZYAN : **Apakah cabaran utama yang encik lalui?**

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] cabaran utama dalam *race* [lumba] motocross aaa cabaran utama biasanya aaa sebelum pergi pun dah cabaran dah sebenarnya *race* [lumba] ni [ini] macam cabaran kos kan aaa pendaftaran masuk *entrance* tu [itu] pun sebenarnya cabaran juga sebab kita, kita *rider* [pelumba] takde [tiada] *sponsor* [tajaan] jadi semuanya kita memerlukan duit sendiri aaa *transport* [kenderaan] untuk pergi *race* [berlumba] iru cabaran sebelum, sebelum bermula aaa cabaran dalam perlumbaan pula lagi mencabar dengan, dengan dalam satu kategori tu [itu] kita berlumba dengan tiga puluh (30) orang, tiga puluh dua (32) orang secara serentak dilepaskan aaa dengan habuk dengan panas sebab yelah [iyalah] motocross ni *race* [perlumbaan] dia dijalankan pada waktu tengahari betul-betul tengahari pukul satu (1) satu setengah (1.30) tu [itu] memang waktu kemuncak dia jadi cabaran yang paling mencabar aaa panas, habuk, debu aaa itulah cabaran utama.

IZYAN : **Kenapa aaa waktu tengahari dijadikan waktu untuk berlumba?**

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] waktu tengahari aaa saya pun sebenarnya tertanya-tanya sebab yelah [iyalah] mungkin petang pun boleh juga kan tapi aaa untuk perlumbaan ni sebenarnya dia ada banyak kategori jadi dia dah [sudah] susun jadual tapi kebiasaanya kategori yang saya main ni memang dapat kat [pada] tengahari la *time* [waktu] dia sebab pagi biasanya dia akan jalankan kategori cupcross, aaa lepas tu junior, junior [muda] adalah kategori yang untuk aaa kanak-kanak bawah enam belas (16) tahun pastu kategori veteran [tua] aaa pastu *novis* [permulaan] dan *expert* [professional] ni [ini] kebiasaannya memang tengahrinilah [inilah] waktu dia waktu kemuncak dia ni [ini] dan mungkin juga aaa penontonlah mempengaruhi waktu-waktu tengahari ini sebab kebiasaanya memang orang tahu kan tengahari ni [ini] orang-orang ramai jadi memang dia buat aaa acara kemuncak ni [ini] waktu tengahari sebab penonton dia memang tertunggu-tunggu kategori *novis* [permulaan] dan *expert*

[professional] je [saja] kategori lain ni [ini] macam dia sampingan je [saja] dia, dia tak tak [tidak] penting sangat yang penting sebenarnya acara *novis* [permulaan] dan *expert* [professional]. (sambil terbatuk-batuk)

IZYAN : Adakah terdapat kelab motocross?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] dalam Malaysia ni [ini] banyak kelab yang ada aaa macam-macam saya nak sebut pun tak [tidak] tahulah sebab memang terlampau banyak. Setiap negeri aaa bukan ada satu (1) setiap daerah dalam negeri itu pun mungkin satu (1) daerah ada dua (2) atau tiga (3) kelab. Kebiasaannya bila kita pergi trail aaa atau pun kita pergi *race* [berlumba] kat [dekat] track [litar] ok [baiklah] kita akan dapat tengok lah aaa semua kelab ni naikkan *banner* [sependuk] ataupun bendera kelab masing-masing dan tampal *sticker* [pelekat] kelab masing-masing dekat *sticker* [pelekat] aaa dekat motor, dia orang punya baju pun ada tulis nama kelab aaa macam tulah [itulah] kita biasa tengok, tengok pada situlah.

IZYAN : Apakah risiko utama aaa yang encik ermm yang encik boleh hadapilah sewaktu dalam motocross ni [ini]?

EN. FAIRUS : aaa ok [baiklah] risiko, risiko aaa motocross ni [ini] dia memang sangat berisiko tinggi sebab iyalah macam ayah saya kata pun tak [tiada] siapa pun suruh, suruh kita main [bermain] motocross ni [ini] kita yang nak main [bermain] jadi kitalah kena tanggung risiko dia. Ok [baiklah] macam risiko yang paling utama saya rasa kecederaan lah kecederaan motocross ni [ini] kebanyakan yang saya tengok dan saya alami jarang-jarang kalau kita jatuh ni [ini] kita nak luka sikit-sikit paling-paling takde [tiada] pun berjahit lah jahit, patah tu [itu] memang mainan je [saja] pun rasa saya sebab saya pun pernah kena jahit aaa pernah patah sebab sukan motocross nilah [inilah] tapi aaa lepas tempoh , tempoh lama sikit dah [sudah] elok tetap main [bermain] juga sebab tu [itu] ayah saya cakap takde [tiada] sape [siapa] pun suruh main [bermain] motocross ni [ini] jadi kita sendiri tanggunglah risiko. (Bunyi selakan kertas)

IZYAN : Adakah aaa apakah jenis kemalangan atau kecederaan yang encik pernah alami?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] saya pernah terlibat aaa dalam kemalangan di dalam litar beberapa kali, beberapa kali kurang tepat kot [rasanya] sebenarnya banyak kali sebab saya aaa pernah jatuh di selekoh aaa pernah jatuh di *jump* [semasa lompatan] pernah jatuh di anak sungai di kayu balak dan akibat kejatuhan-kejatuhan tersebut saya mengalami beberapa kecederaan seperti aaa koyak peha aaa saya juga pernah siku saya pernah berjahit aaa pergelangan kaki kanan patah, keting saya pernah patah, lutut saya kepala lutut saya pernah, pernah *crack* [retak] aaa peha saya pun masih ada besi sampai sekarang, lengan saya pernah patah erm yang, yang yang terakhir itu hari bahu saya lah bahu kanan saya patah (sambil menunjukkan bahunya) itu saya dapat di Terengganu di Kemaman di litar, litar Kemaman. (batuk terbahak-bahak)

IZYAN : Berapa tempoh masa untuk sembuh sepenuhnya?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] untuk sembuh sepenuhnya sebenarnya kalau mebicut nasihat doktor biasa kebiasaanya tiga (3) bulan minimum tiga (3) bulan (sambil berdehem) selepas kecederaan selepas rawatan barulah saya boleh memegang semula motocross tapi orang kata motocross ni [ini] dia *addict* [ketagih] tau kita tak [tidak] dapat pegang lama jadi *addict* [ketagih] kita mesti nak pegang juga jadi bila *injured* [cedera] tu [itu] saya tak [tidak] ambil masa yang lama saya mungkin aaa macam masa saya patah kaki dulu (Anis batuk kecil) aaa sebulan, sebulan saya jumpa doktor buka simen selang tiga (3) hari saya terus main [bermain] motor aaa jadi kalau ikut tempoh yang diberikan oleh doktor tu [itu] memang tiga (3) bulan tapi kalau ikut diri kita ni [ini] memang tak [tidak] bolah tahan lah secepat mungkin lah mungkin sebulan kita dah [sudah]kita dah [sudah] dah *start* [mula] main [bermain] balik [semula] lah.

IZYAN : Ada tak [tidak] risiko yang encik hadapi waktu tapi tak [tidak] sepenuhnya sembuh tapi encik main juga?

EN. FAIRUS : (sambil batuk kecil) ok [baiklah] ada juga aaa itulah akibat kalau kita tak [tidak] dengar nasihat doktor kan macam saya dulu pernah sebenarnya saya patah keting dalam masa dua (2) minggu tu [itu] saya potong sendiri

simen tu [itu] saya buka ok [baiklah] saya buka simen pagi saya buka petang tu [itu] saya da *start* [mula] motor dah main [bermain] saya pergi main [bermain] kawasan erm kawasan ladang lah kawasan ladang sawit main untuk dapatkan balik tapi aaa saya balik daripada main [bermain] tu [itu] saya, saya aaa kaki saya mula rasa sakit lepas tu [selepas itu] saya pergi hospital semula dan kena tahan wad semula aaa sebab aaa sepatutnya dalam tempoh tersebut saya masih lagi memakaki simen aaa dan *start* [mula] daripada itulah saya rasa macam takut-takut sikitlah nak, nak, nak lawan nasihat doktor ni [ini] tapi ada juga yang lawan.

IZYAN : Adakah terdapat aaa ganti rugi atau pun perlindungan sekiranya pemain mengalami kecederaan?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] untuk *free practice* [latihan] atau pun kita main [bermain] trail aaa suka-suka aaa kita perlindungan insuran aaa insuran nyawa sendiri lah yang cover [melindungi] kita tapi kita kalau join *race* [perlumbaan] yang legal [iktiraf] punya aaa kira *race* [lumba] yang diiktiraf oleh AAM ni [ini] biasanya kita akan dilindungi insuran sebab kita punya lesen tu [itu] dia da cover [meliputi] sekali dengan insuran, kita bayar seratus dua puluh ringgit (120) setahun tu [itu] dia dah [sudah] dah termasuk duit insuran sekali jadi aaa jika berlaku apa-apa kita kemalangan semasa berlumba atau pun semasa aaa tempoh, tempoh perlumbaan diadakan aaa pihak insuran lesen tersebut (Anis terbatuk-batuk) akan kita boleh membuat tuntutan lah pada syarikat tu [tersebut] (sambil berdehem).

IZYAN : Apakah strategi yang encik miliki semasa bermain?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] untuk strategi ea strategi sebenarnya aaa *first round* [pusingan pertama] tu [itu] kena *all out* [memberikan sepenuh tenaga] kalau saya lah *first round* [pusingan pertama] tu [itu] saya *all out* [memberikan sepenuh tenaga] ok [baiklah] untuk aaa dua puluh minit (20) seterusnya saya bertahan dan dua (2) *lap* [pusingan] atau pun tiga (3) *lap* [pusingan] terakhir tu [itu] saya akan *all out* [memberikan sepenuh tenaga] semula sebab kebanyakan aaa kebanyakan *rider* [pelumba] ada penghujung *race* [lumba] dalam empat (4) *lap* [pusingan] atau pun tiga (3) *lap* [pusingan] terakhir biasanya dah [sudah] dah panjit [hilang tenaga] lah saya sendiri pun panjit [hilang tenaga] juga tapi

harapkan mental saja lah aaa tapi itulah strategi saya aaa pertengahan tu [itu] aaa jimat tenaga jadi jangan kena potong [ditinggalkan di belakang] dengan orang belakang aaa kalau boleh potong [tinggalkan orang di hadapan] orang depan aaa yang penting jangan kena potong [ditinggalkan di belakang] aaa yang lagi tiga *lap* [pusingan] atau pun empat (4) *lap* [pusingan] kita *all out* [memberikan sepenuh tenaga] potong [tinggalkan pelumba di hadapan] seberapa banyak yang boleh. Itulah jelah [sajalah] (sambil batuk-batuk).

IZYAN : Apakah jenis ganjaran yang ditawarkan?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] untuk setiap siri perlumbaan menawarkan hadiah wang tunai aaa serta hadiah-hadiah sampingan lah hadiah motor, hadiah helmet, hadiah kasut, motocross, peralatan motocrosslah aaa untuk setiap, setiap tempat setiap siri aaa ada hadiah wang tunai satu ribu lima ratus (1500) ringgit, aaa tiga ribu (3000) ringgit, lima ribu (5000) ringgit bergantung pada penganjur dan hadiah untuk keseluruhan pusingan (Anis terbatuk-batuk) aaa pada hujung tahun biasanya diadakan di Sepang aaa dekat situ [sana] akan ditawarkan hadiah keseluruhan bernilai dua puluh lima ribu (25 000) ringgit serta motor, motocross sebiji dan satu (1) set pakaian lah. Itu untuk, untuk *overall champion* [juara keseluruhan] lah tapi untuk, untuk juara setiap pusingan tu [itu] cuma satu (1) satu ribu setengah (1500), atau tiga ribu setengah (3500) bergantung pada penganjur biasanya macam tu [itu] .

IZYAN : Adakah terdapat badan yang menyalurkan dana untuk pemain motocross?

EN. FAIRUS : Aaa setakat ini yang saya tahu KBS aaa ada juga KBS adalah bergerak untuk sukan motocross ni [ini] contoh macam dekat aaa Perhimpunan Hari Belia setiap tahun pun Perhimpunan Hari Belia Peringkat Kebangsaan dekat Putrajaya pun KBS ada berusaha membuat *race* [perlumbaan] motocross, *gathering freestyle* [gaya bebas] panggil orang Jepun panggil *rider* [pelumba] seluruh Malaysia semua untuk buat *race* [perlumbaan] dekat, dekat dekat Putrajaya dia *support* [menyokong] dia buat *fund race* [perlumbaan amal] lah maknanya aaa KBS buat satu *race* [perlumbaan] yang aaa yang tak [tidak] menggunakan dia tak [tidak] kita tak [tidak] perlu bayar untuk , untuk menyertai perlumbaan tapi dia, dia sediakan hadiah ok [baiklah] (sambil

batuk). Lagi satu aaa yang, yang banyak menyalurkan dana buat masa ni [ini] rasa saya TQMX lah milik aaa orang persendirian bertapak di Batu Pahat. Saya rasa dialah yang (Anis batuk) paling banyak menyalurkan dana dan bantuan. Bermacam-macam bantuan untuk sukan motocross.

IZYAN : Erm apakah tahap kelayakan pemain untuk mendapatkan tajaan?

EN. FAIRUS : (Bunyi mesin fotokopi) Ok [baiklah] aaa tahap untuk mendapat tajaan ni [ini] aaa kita kena jaga *ranking* [kedudukan] kita sebab aaa penaja ni [ini] dia, dia sentiasa mata-mata penaja ni [ini] sentiasa berada di setiap perlumbaan jadi kita kena pameran *skill* [kemahiran] kita setiap perlumbaan untuk ditaja setelah ditaja pula kita ni [ini] kenalah *perform* [melaksanakan] kita kena tunjukkan dekat penaja kita ni [ini] yang mereka ni [ini] berbaloi untuk menaja kita jadi kita kena, kita kena pertahankan *ranking* [kedudukan] contoh kalau aaa *race* [perlumbaan] pertama kita dapat nombor tiga (3) *race* [perlumbaan] kedua (2) pun kita sekurang-kurangnya mesti dapat nombor tiga atau pun lebih baik aaa dia, dia nak jaga nama, nama *company* [syarikat] dia yng *sponsor* [menaja] nak, nak [dudukan] mahu] kita jaga *ranking* [kedudukan] lah kita punya *ranking* ni [ini] aaa dalam tahap, tahap yang dia nak aaa jadi selagi itulah dia akan *sponsor* [menaja].

IZYAN : Ok aaa encik pernah cakap dalam motocross ni [ini] guna banyak kos, kemanakah kos yang dibelanjakan?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] (sambil berdehem) kos yang dibelanjakan pertama sekali adalah kos untuk membeli motor [motocross] lah sebab kita pelumba bersendirian kan. Pelumba bersebdirian ni [ini] aaa modal kasar [banyak] sikit la sebab motocross ni [ini] motor dia mahal takde [tiada] bawah yang, yang baik takde [tiada] bawah dua puluh ribu (20 000) semua atas dua puluh ribu (20 000) kalau bawah sepuluh ribu (10 000) tu [itu] kalau kita dengar orang kata ada motocross murah bawah sepuluh ribu (10 000) memang ada memang boleh dapat tapi aaa tak [tidak] memuaskan lah aaa kalau macam saya dapat harga yang sepuluh ribu (10 000) tu [itu] dua (2) kali pakai tiga (3) kali pakai saya rasa dah [sudah] habis lah [rosak] pasal [sebab] saya agak ganas juga pakai motocross ni [ini] sebab saya dah [sudah] mungkin sebab saya main [bermain] dah [sudah] lama kan lebih kurang sepuluh (10) tahun kan jadi itulah kos dia

pastu [selepas itu] aaa untuk pergi *race* [perlumbaan] kos *transport* [kenderaan] pula kita nak bawa kos *Hilux* [sejenis kereta untuk membawa motocross], minyak, kos *entrance* [kemasukan] untuk setiap perlumbaan aaa kos pakaian lagi sebab pakaian ni [ini] aaa yelah [iyalah] dia macam, dia macam baju sekolah juga tak kan kita nak pakai pakaian yang sama untuk satu (1) tahun kita kadang-kadang lima (5) enam (6) kali *race* [lumba] kita mesti nak tukar baru aaa baru orang nampak kita untuk motor [motocross] pun macam tu juga satu (1) tahun satu (1) kali mesti kena tukar kebiasaanya macam tulah [itulah] saya satu (1) tahun tukar satu (1) kali aaa tukar atau pun tambah, untuk kasut kebiasaannya aaa setahun dalam masa setahun dia akan *expired* [luput] jadi dia punya tapak dia punya, dia punya *body* lah *body* [badan kasut] kasut tulah [itulah] sebab [bahan] memang, memang memang tahan setakat setahun saya dah [sudah] cuba simpan dalam keadaan dalam rumah, dalam, dekat luar *try* [cuba] tak [tidak] basuh pun sama juga sebab dah [sudah] dua (2) tiga (3) empat (4) kali saya beli kasut pun tetap setahun je [saja] tahan (perbualan di luar bilik mesyuarat) sebab tulah [itulah] kos dia tinggi sebab barang-barang dia aaa *maintenance-maintenance* [penyelenggaraan] dialah tinggi macam motor [motocross] nak beli pun mahal *maintenance* [penyelenggaraan] pun mahal. Untuk pakaian pula kita nak kena kerap beli.

IZYAN : **Dalam seminggu berapa kali encik berlatih?**

EN. FAIRUS : (sambil terbatuk-batuk) untuk aaa sesi latihan aaa tak [tidak] tentu kadang-kadang seminggu paling *minimum* [kurang] sekali rdalam seminggu sehari tu saya akan habiskan masa lebih kurang aaa tiga puluh (30) ke empat puluh (40) minit lah itu *minimum* [kurang] lah tapi kalau banyak masa lapang saya mungkin *practice* [berlatih] tiga (3) hari seminggu, tiga (3) hari seminggu lah sebab sekarang ni [ini] pun kekangan masa kan kerja jadi saya dah [sudah] tak [tidak] boleh *practice* [berlatih] terlalu kerap lah takut mengganggu watu kerja sebab kerja pun kadang-kadang ada aktiviti juga *time* [waktu] cuti.

IZYAN : **Erm bagaimana encik meningkatkan stamina?**

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] aaa stamina, (bunyi mesin fotokopi) stamina saya aaa pantang, saya pantanglah aaa tidur, tidur tak [tidak] boleh lewat aaa lepas tu [selepas tu]

untuk stamina ni [ini] saya aaa kayuh basikal lah, kayuh basikal empat puluh (40) ke empat puluh lima (45) kilometer sehari tu [itu] untuk, untuk jaga staminalah.

IZYAN : Adakah pengambilan makanan juga mempengaruhi prestasi?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] aaa pemakanan ea pemakanan saya pun ada pergi aaa bengkel pemakanan untuk sukan-sukan ekstrem lah yang diadakan setahun sekali dekat Sepang jadi aaa pemakanan ni [ini] sebenarnya saya pun jaga juga, saya tak, tak [tidak] minum ais, kadang-kadanglah, (sambil tersenyum) kadang-kadang saya minum juga tapi kalau *time race* [waktu berlumba] tu memang saya tak [tidak] minum lah tak [tidak] minum ais, air gas tak [tidak] minum yang pedas-pedas ni [ini] tak [tidak] minumlah aaa tak [tidak] makanlah aaa itu jelah [sajalah] air masak minum lebih sebab kita banyak, banyak keluar peluh.

IZYAN : Erm apakah peringkat umur yang sesuai untuk bermain motocross?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] peringkat umur sebenarnya ea aaa peringkat umur sebenarnya dekat Malaysia ni [ini] dia dah, dah [sudah] seakan-akan Amerika Syarikat aaa sebab saya cakup macam tu [itu] sebabnya sekarang saya dah [sudah] nampaklah (bunyi selakan kertas) ibubapa yang berada yang berkemampuan dia [sudah] dah dah [sudah] dah dedahkan pada anak dia dengan motocross seawal usia tiga (3) tahun aaa macam adalah kawan saya ni [ini] dia kira, kira berada jugalah jadi anak dia umur tiga (3) tahun boleh berjalan dia terus belikan motocross satu (1) tu [itu] untuk pengenalan lah tapi kalau untuk aaa perlumbaan setakat ni [ini] tang ter termuda sekali saya pernah tengok umur enam (6) tahun lah aaa budak Batu Pahatlah dululah sekarang dia dah [sudah] besar lah, dah [sudah] main [bermain] *expert* [professional] sama-sama dengan saya.

IZYAN : Apakah kemahiran asas yang perlu ada?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] kemahiran asas ea, aaa kemahiran asas sebenarnya motocross ni [ini] kita pandai bawak motor [motocross] kita boleh main [bermain] tapi setakat boleh mainlah [bermain]. Yang keduanya kita kena berani sebab motocross ni [ini] dengar bunyi dia pun aaa kalau budak-budaklah kalau budak-budak dengar bunyi dia pun dah dah dia takut dah jadi aaa kemahiran *basic skill* [kemahiran asas] yang, yang paling perlu saya rasa keberanian

sebenarnya. Lain-lain, lain –lain *skill* [kemahiran] tu [itu] boleh cari dari semasa ke semasa lah (sambil berdehem).

IZYAN : Kemahiran paling sukar dalam motocross?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] kemahiran paling sukar dalam motocross saya rasa adalah aaa *corner ring* [berlumba di sudut selekoh] sebab motocross ni [ini] dia punya *corner ring* [berlumba di sudut selekoh] menggabungkan kelajuan dan selekoh aaa jadi aaa jalan, jalan lurus semua orang boleh laju aaa lompat, semua orang boleh lompat tapi kita selekoh kita nak habis selekoh dalam keadaan paling laju. Itulah saya rasa kemahiran paling, paling sukar nak belajar sebab kita tak [tidak] boleh kalau kita nak belajar dengan orang pun kita kena buat sendiri kita tak [tidak] boleh duduk belakang dia aaa dia buat kita duduk belakang aaa tak [tidak] boleh kita mesti nak kena cuba-cuba dahulu dan terus cuba maksudnya aaa macam saya pun sampai sekarang saya masih lagi, saya masih lagilah *practice* [berlatih] *practice corner* [berlatih di selekoh] saya rasa *corner* [selekoh] ni [ini] lah yang banyak *point* [markah] yang paling, paling banyak sekali kelebihan dalam, dalam perlumbaan.

ANIS : Bagaimanakah encik membahagikan masa bekerja dan waktu bermain sukan motocross?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] ada waktu bekerja (sambil bayuk kecil) dan motocross ini ea. Ok [baiklah] aaa pada awal saya bekerja dulu pun saya banyak juga curi-curi ambil cuti untuk pegi *race* [lumba] untuk *practice* [berlatih] tapi aaa selepas dua (2) tiga (3) tahun saya bekerja dengan UiTM [Universiti Teknologi Mara ni [ini] saya pun berbincang juga dengan pihak majikan aaa untuk ambil cuti untuk aaa pergi *race* [berlumba] lah. Kalau *race-race* [berlumba] yang jauh ni [ini] kena pergi awal jadi kena *apply* [mohon] cuti awal. Kadang-kadang kalau kita terlalu kerap cuti pun juga tidak baik untuk rekod kerja juga. Saya minta pada budi bicara dengan Jabatan lah biasanya untuk pergi bermain motocross ni [ini] lah, pergi main jauh mungkin saya akan cuti bermula hari rabu dan khamis tu [itu] dah cutilah sebab motocross ni [ini] biasanya dijalankan dua (2) hari sabtu dan ahad sebab aaa setiap perlumbaan tu [itu] banyak kategori tu [itu] yang dia buat sampai dua (2) hari.

ANIS : Siapakah ahli keluarga yang banyak mendorong encik?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] ahli keluarga yang banyak mendorong aaa kalau daripada kecil dulu adalah ayah sayalah sebab dia yang bawa saya untuk pergi tengok [menonton] motocross ni [ini] secara *live* [langsung] pada awal 90-an dulu lepas tu [itu] (bunyi batuk) abang-abang saya yang lain pun banyak juga mendorong sebab dia orang pun (bunyi batuk) main sekalikan, sukan ni [ini] jadi secara tak [tidak] langsung saya terdorong oleh cara-cara macam tu [itu] lah sebab masa practice tu [berlatih itu] saya boleh *practice* [berlatih] sama-sama dengan *family* [keluarga] saya. Pergi *race* [berlumba] pun dia orang pergi. (sambil batuk-terbatuk)

ANIS : Ok apa kelebihan yang encik perolehi daripada sukan motorcross?

EN. FAIRUS : (terbatuk-batuk) Ok [baiklah] kelebihan motocross ni [ini] (bunyi batuk), kita aaa dapat pergi macam-macam tempat, macam-macam *track* [litar] kita boleh pergi main motocross *race* [lumba], macam-macam orang kita boleh jumpa jadi kelebihan yang paling banyak saya dapat saya rasa daripada sukan motocross ni [ini] kawanlah sebab motocross ni [ini] aaa dalam Malaysia ni [ini] (bunyi batuk) memang seluruh semenanjung ni [ini] ada atlet main motocross termasuk Sabah Serawak. Sabah Serawak ni [ini] juga kadang-kadang ada juga datang main motorross dekat semenanjung ni [ini] jadi arr secara tak [tidak] langsung kita dapat tambah kawan. Kita dapat tukar-tukar idea, dapat kongsi-kongsi ilmu sikit kan macam mana *skill-skill* [kemahiran] teknik macam tu [itu] lah.

ANIS : Adakah terdapat sebarang pantang larang yang encik perlu patuhi?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] pantang larang, pantang larang yang macam saya cakap tadilah makan aaa tu [itu] nombor satulah (1), keduanya kalau kita ada sejarah kecederaan aaa kita kena ikut nasihat doktorlah sebab saya sekarang saya dah [sudah] mula mendengar nasihat doktorlah sebab dulu saya tak [tidak] ikut nasihat doktor saya kerugian satu (1) tahun aaa satu (1) tahun tak [tidak] boleh pegang motocross sebab kecederaan yang berulang-ulang.

ANIS : Adakah encik merasa puas hati dengan pencapaian sekarang?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] kalau nak [hendak] rasa puas hati tu [itu], mungkin saya rasa tak [tidak] puas hati sebab aaa rasanya macam kita dah [sudah] lama tak main [tidak bermain] tapi saya rasa ok lah kot [baik agaknya] apa saya dah [sudah] capai selama lebih kurang sepuluh (10) tahun saya main ni [bermain ini] sebab saya dah [sudah] merasa duduk *podium* [pentas], saya dah [sudah] rasa jatuh, dah [sudah] rasa patah kaki, patah tangan, masuk besi saya dah [sudah] merasa, *champion overall* [juara keseluruhan] pun merasa jadi saya rasa kalau lepas ni [ini] saya tak [tidak] menang pun saya tetap akan main motocross selagi saya mampulah.

ANIS : Selain motorcross, adakah terdapat sukan lain yang encik minati?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] sebenarnya selain motorcross saya ada juga main *Go Kart* tapi jarang-jaranglah mungkin sebulan sekali sebab masalah tempat *Go Kart* dan juga main mini bikes di litar elite tu [itu]. Tapi saya main suka-sukalah tapi tak [tidak] main macam motocross ni [ini] sebab tak [tidak] tahulah aaa kurang *feel* [seronok] saya rasa suka-sukan lain ni [ini], macam basikal pun saya ada juga main dulu saya cuba main *serious* [bersungguh-sungguh] tapi aaa dua (2) kali saya pergi *race* [berlumba] basikal lepas itu saya tak [tidak] mainlah basikal. Sekarang pun saya main basikal untuk cari stamina je tapi *race* [lumba] saya dah tak pergi dah [sudah tidak pergi sudah].

ANIS : Mengapa tidak diteruskan untuk bermain Go Kart?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] go karts ni [ini] saya dah [sudah] kira-kira dah [sudah] kos sebenarnya lebih tinggi daripada motocross. Ok [baiklah] yang keduanya, tempat macam go karts ni tak [ini tidak] banyak *track* [litar], saya tahu dekat Melaka (sambil batuk) yang *official* [rasmi], yang dekat Melaka dekat Hilir, dekat Kedah ke Perlis, dekat Pekan ada satu. Jadi, saya ni [ini] kuat berjalan jadi macam *Go Kart* ni [ini] tempat dia tak [tidak] banyak jadi tak [tidak] banyak pilihan kita boleh pergi. Motocross ni [ini], setiap negeri tu [itu] ada litar jadi kita boleh pergilah tu [itu] yang membuatkan saya macam tak [tidak] berapa minatlah teruskan *Go Kart* ni [ini] tapi kalau untuk suka-suka ni [ini] sampai sekarang saya masih mainlah.

ANIS : **Jika encik bukan ahli sukan (dalam motocross) siapakah encik?**

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], kalau saya bukan kalau saya tak babitkan [tidak melibatkan] dalam motocross saya rasa sekarang ni [ini] mungkin saya cuma jurulatih kokurikulum dekat UiTM ni [Universiti Teknologi Mara ini] atau pun mungkin saya meniaga [berniaga] sendiri dalam bidang permotoran macam itulah.

ANIS : **Siapakah jurulatih encik?**

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] jurulatih saya, jurulatih saya adalah lima puluh peratus (50%) di *Youtube* dan lima puluh peratus (50%) jurulatih saya adalah kawan saya daripada Batu Pahat. Dia juga adalah (sambil batuk) jurulatih kepada ramai aaa atlet motocross yang baru bertapak di negeri Johor. Syarikat beliau juga yang bertanggungjawab untuk membina *track* [litar] motocross di sekitar semenanjung Malaysia. Encik Nizam ialah [itulah], encik Nizam daripada Batu Pahat. Dialah yang banyak mengajar saya dari awal penglibatan saya dalam sukan ini.

ANIS : **Adakah jurulatih memberikan impak yang besar terhadap pemain motocross?**

EN. FAIRUS : Ok [baiklah] jurulatih, impak jurulatih sebenarnya besar tapi pada saya diatas diri *rider* [pelumba] kalau jurulatih itu mengajar kita tak [tidak] boleh nak [hendak] terima apa yang hendak diajar pun tak [tidak] boleh juga. Tapi macam motorcross ini, jurulatih biasanya paling penting kena ada semasa perlumbaannya untuk *support* [menyokong] moral sebab jurulatih ni [ini] yang akan jaga kita punya pemakanan, kita punya setting [penetapan] motor, dia akan check [semak] lah. Jadi, kalau tak [tidak] ada jurulatih mungkin moral kita jatuhlah.

ANIS : **Apakah langkah untuk bermula bermain motocross?**

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], bermula dengan motocross ni [ini] semestinya kita kena minatlah sebab kalau tak [tidak] minat aaa tak [tidak] jadi, sukan apa pun tak [tidak] boleh. Kalau satu lagi, dorongan keluargalah sebab motocross ni [ini] sukan yang berisiko tinggi untuk mendapat kecederaan tu [itu] memang besar,

sangat-sangat tinggi. Jadi kalau siapa-siapa yang nak bermula dalam sukan motocross ini eloklah dapatkan pandangan keluarga dulu pada sayalah sebab saya dulu pun asalnya saya dapatkan pandangan *family* [keluarga] untuk mulakan sukan ni [ini] sebab ialah sukan ini berisiko tinggi sebab ada yang dah [sudah] meninggal dunia sebenarnya dalam Malaysia ni [ini] yang saya tahu dua (2) orang dekat Kemaman, seorang dekat Kluang yang meninggal semasa perlumbaan. Jadi, apa-apa pun *family* [keluarga] kena minta izin dengan *family* [keluarga] untuk bermula.

ANIS : **Apakah perbezaan motorcross dengan sukan yang lain?**

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], aaa motocross dengan sukan yang lain sukan Culprit ke sukan Motor GP ke sebenarnya dia tak [tidak] ada beza dia sama je [sahaja], dia tetap sukan permotoran cuma yang membezakan dia adalah aaa jenis motor yang digunakan, jenis litar dia, jenis lesen dia. Tapi, kalau pada sayalah istilah sukan permotoran ini motocross, Culprit dan Motor GP adalah sukan permotoran yang sama. Jadi, saya tak [tidak] membezakan sangatlah.

ANIS : **Adakah terdapat badan yang dapat membantu untuk memulakan sukan motocross?**

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], aaa untuk (sambil batuk) untuk Badan Kerajaanlah sebenarnya KBS [Kementerian Belia dan Sukan] lah Badan yang paling penting dalam memainkan peranan untuk sukan motorcross ni [ini] sebab KBS [Kementerian Belia dan Sukan] kerana sukan tak [tidak] kiralah sukan motocross atau apa pun sukan kat [dekat] Malaysia ni [ini]. *Majoriti* [kebanyakan] memang golongan belia yang *join* [mengikuti] sukan-sukan ini, jadi Kementerian Belia dan Sukan kena main peranan kena jaga kena bagi tarikan dekat golongan-golongan belia ini. Kalau KBS [Kementerian Belia dan Sukan] tak [tidak] jaga tak [tidak] bantu memang saya rasa tak [tidak] boleh maju apa-apa sukan dekat Malaysia ni [ini]. Sukan motocrosslah terutamanya sebab sukan motorcross ini masih rendah lagilah dia punya (sambil batuk) penyertaannya dalam Malaysia ni [ini]. Anak-anak muda pun kurang pendedahan sukan motorcross ni [ini]. Jadi saya rasa KBS [Kementerian Belia dan Sukan] la kena main peranan yang paling pentinglah.

ANIS : **Boleh Encik jelaskan sedikit tentang kemahiran asas yang penting dalam motocross?**

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], aaa kemahiran asas dalam motorcross untuk *race* [lumba] paling *basic* [asas] kita kena berlajar *starting* [permulaan] *corner* [belok] dan *jump* [lompat]. Untuk trail [jejak] pula, kita kena lebihkan stamina sebab trail ni [ini] dia adalah kita bermain motorcross untuk jarak yang jauh. Jadi, untuk trail dan untuk motocross ni [ini] dia berbeza kemahiran dia sebab untuk motocross ni [ini] kita bermain dengan mental sebab motocross ni [ini] kalau nak [hendak] ikutkan penat, saya rasa *first lap* [pusingan pertama] pun orang dah [sudah] penat dah [sudah]. Cuma, yang membezakan mental lah, kalau mental kita tak [tidak] kuat memang kita nak [hendak] habiskan perlumbaan itu memang susahlah bagi saya.

ANIS : **Selain belajar di youtube, adakah cara lain yang encik pelajari?**

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], selain daripada *Youtube*, aaa saya practice [berlatih] sendirilah *practice* [berlatih] dengan abang-abang saya dengan kawan-kawan. Tapi, kebanyakan memang saya tengok di Youtube lepas itu saya buat aksi macam itulah [itulah]. Saya beli CD ataupun *download* [muat turun] daripada *race-race* [perlumbaan-perlumbaan] motocross di luar negara, di Europe, di Thailand, di Amerika. Jadi, saya *download* [memuat turun] video *race* [perlumbaan] dia orang, saya tengok berulang-ulang kali dan saya cuba buat apa yang dia buatlah. Biasanya saya tiru macam itulah.

ANIS : **Bagaimana ciri-ciri atlet pemain motorcross?**

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], ciri-ciri atlet pemain motorcross, aaa ciri-ciri saya rasa aaa ciri-ciri ada satu je [sahaja] ciri-ciri yang penting dalam motocross ini, dia kena berani. Sebab dia tak [tidak] memerlukan ketinggian, ataupun ukuran badan yang sasa ataupun dia tak [tidak] perlulah. Berani kita boleh main, kalau tak [tidak] berani tak [tidak] apa, jangan main sebab bentuk badan tak [tidak] mempengaruhi pun motorcross sebab sebenarnya (sambil batuk), aaa lebih ramai yang lebih, badan yang lebih kecil daripada saya bermain motorcross ini. Perempuan pun ada sebenarnya, jadi ciri-ciri badan tu [itu] tidak diambil kira yang penting keberanian.

ANIS : Adakah sukan motocross ini dikenali rakyat Malaysia?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], sukan motocross ini kurang dikenali kerana sebenarnya di Malaysia ini kurang pendedahan media kurang, penyiaran pun kurang, surat khabar pun. Saya boleh dibilang dengan jari rasa saya aaa berapa kali rasanya sukan motocross ini masuk surat khabar. Dalam internet tu [itu], yang official [rasmi] saya pun jaranglah, kalau setakat *facebook* [mukabuku] tu [itu] ialah kan tapi aaa macam *live* [langsung] ke, macam culprit ke patutnya kita pun berhak juga dapatkan hak penyiaran untuk perlumbaan motocross tapi saya tak [tidak paham] kenapa sampai sekarang masih tak [tidak] ada syarikat penyiaran yang nak [hendak] menayangkan perlumbaan motocross secara langsung. Jadi, saya rasa aaa medialah menyebabkan rakyat Malaysia ini kurang mengenali sukan motocross ini.

ANIS : Apakah faktor sukan ini tidak dikenali?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], faktor dia yang pertamanya orang Malaysia sendirilah. Malaysia ini terlalu banyak sukan jadi aaa orang rakyat Malaysia ini dia jadi banyak pilihan sukan yang dia pilih. Macam motocross ini orang anggap ini dia ganas jadi orang tak nak [tidak mahu] ambil tahu atau orang tak [tidak] galakan anak-anak untuk pergi tengok macam tulah [itulah]. Lagi satu tempat perlumbaan dia pun dalam keadaan panas, berhabuk jadi tak [tidak] sesuailah pergi tengok. Orang kata bukan tu [itu] sukan keluargalah, kalau kita nak [hendak] bawa *family* [keluarga] pergi tengok *race* [perlumbaan] memang tak [tidak] sesuailah pada saya sebab saya sendiri pun tak [tidak] boleh tahan dengan habuk.

ANIS : Apakah tahap masa yang diperlukan bagi seseorang pemain itu memiliki sepenuh kemahiran dalam sukan motocross?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], aaa tahap masa pada saya bergantung pada individu yang bermain itulah. Macam saya nak [hendak] kata mahir pun tak [tidak] juga kalau kita nak dapatkan semua *skill* [kemahiran], saya rasa dalam masa tiga (3) tahun. Kalau nak kata *expert* [professional] pun tak [tidak] juga sebab tiga (3) tahun tapi kita banyak pengalamanlah kalau dalam masa tiga (3) tahun tu [itu]. Saya rasa tiga (3) tahunlah masa yang paling minimum untuk jadi

intermediate [perantaraan] belum *pro* [professional] rasanya. Jadi dalam masa tiga (3) tahun itu dah [sudah] boleh *qualified* [berkelayakan] untuk main *expert* [professional] dalam motocross. Tapi kalau kita banyak *practice* [berlatih] kita kerap *practice* [berlatih] sebenarnya lebih cepat kita mahir motocross ini. Macam budak-budak [remaja] zaman sekarang ini dia orang atau budak-budak yang baru nak [hendak] naik ni [ini], saya tengok dia orang kerap sangat-sangat kerap dia punya latihan macam cuti sekolah baru-baru ini saya pergi jalan tengok tempat dia orang pun hari-hari dari pagi sampai petang, pagi sampai petang, hari-hari setiap pagi tu [itu] sampai ke petang senja dia punya waktu latihan tu [itu]. Kekurangan latihan tu [itu] membuatkan seseorang tu [itu] boleh jadi mahir dengan lebih cepatlah. Macam saya ni [ini] mungkin lambat pasal sebab saya bermula main pun umur dah [sudah] lima belas (15), *so* [jadi] dah lambatlah lepas itu saya pun aaa ada kerjakan masa dulu masa sekolah jadi masalah mungkin masa tak [tidak] ada sangat tu [itu] yang memerlukan masa lama lah.

ANIS : **Siapakah idola encik dalam sukan motocross ini?**

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], sukan dalam bidang motocross ini kalau dalam Malaysia ini saya lebih meminati dia punya nama gelaran dia Gaban tapi nama sebenarnya Al-Amirul Ashshahid bin Rashid, dia orang Selangor. Dia saya rasa dia antara Melayu yang paling berjayaah setakat ini dalam sukan motorcross ini. Kalau negara, saya rasa saya lebih meminati James Stewart, dia Negro tapi dia sekarang ini dia world champion [juara dunia] kategori *super cross*. Dia *world class champion* [juara kelas dunia] sekarang ini untuk empat (4) tahun berturut-turut.

ANIS : **Apakah perbezaan atlet motorcross di dalam Malaysia dan luar negara?**

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], perbezaan dia saya pun sampai sekarang saya masih mencari-cari perbezaannya atlet motocross negara kita dengan luar negara sebab kalau saya banyak juga study [belajar] dalam Youtube dan saya membuat perbandingan antara atlet di dalam dan di luar negara saya tengok cara latihan sama, teknik-teknik sama, apa yang digunakan pun sama tapi saya sampai sekarang tidak dapat tangkap lagi apa yang membezakan mereka yang di dalam dan di luar

negara sebab saya pernah tengok pelumba daripada Malaysia ini berlumba dengan perlumba daripada luar negara tapi saya sendiri pernah berlumba dengan perlumba dari luar negara. Jadi, saya tahu tahap pelumba Malaysia ini masih jauh ketinggalan daripada pelumba luar negara. Tak [tidak] perlu jauhlah Thailand dan Indonesia pun dah cukuplah saya rasa untuk membezakan tapi kalau sebab saya pernah tengok di Thailand punya tempat latihan dia lebih berdisiplin sebab perbezaan dari segi disiplin sebab macam di Thailand dia ada *rider academic* [akademik perlumba] macam di Bangkok saya pergi. Jadi kalau waktu latihan, latihan sahaja dan tak [tidak] ada masa berehat, duduk-duduk dan berborak. Penat tak [tidak] penat mesti kena *training* [berlatih], *time* [masa] makan semua makan dan tak [tidak] ada orang pergi *training* [berlatih], dan *time training* tak [masa berlatih tidak] ada orang pergi makan. Mungkin faktor disiplin yang menjadi perbezaan.

ANIS : Adakah encik pernah berlumba dengan atlet di dalam Malaysia?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], semsetinya pernah sebab saya main dalam kategori *expert* [professional] jadi saya pernahlah dengan atlet di dalam Malaysia ini seperti Gaban, macam adik dia Gabit pun tengah naik juga sekarang ni [ini]. Macam perlumba motor trail kita pun macam Zulfahmi Khairuddin sebenarnya ada juga bermain motocross pernah juga *race* [berlumba] dengan dia. Tahun lepas ada *race* [berlumba] dengan dia dekat Melaka.

ANIS : Dari manakah encik selalu mengikuti perkembangan motocross Malaysia?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], perkembangan motocross Malaysia ni [ini] agak susah untuk diikuti sebab kurangnya orang kata liputan macam berita saya rasa awak pun tak [tidak] pernah dengar berita tentang keluar dalam TV [televisyen] pasal motorcross. Macam majalah, dulu ada satu majalah yang menerbitkan semua cerita pasal motocross tapi setelah dibuat analisa majalah tersebut telah dikeluarkan sebab isi kandungan tersebut kebanyakannya tak [tidak] benarlah pasal motocross ini. Majalah tersebut telah diberhentikan penerbitannya. Jadi, kalau untuk perkembangan biasanya kalau macam saya sewaktu latihan lah saya nak [hendak] ikuti dalam perkembangan Malaysia ini sebab waktu latihan ke waktu *race* [berlumba] sebab *time race* ni [masa berlumba ini] sebab semua

rider [perlumba] daripada seluruh negara daripada Thailand, daripada Indon kadang-kadang jadi dekat situ kita boleh tahulah lepas ini ada *race* [berlumba] mana ke aaa, apa ni [ini] barang apa yang baru ke motor apa baru peralatan apa baru kalau macam ada perlumbaan ni [ini] ada syarikat yang bawa turun barang-barang yang *up to date* [terkini] macam pakaian ke apa. Dekat situ [dari situ] kita dapat tahu perkembangan yang untuk Malaysianya.

ANIS : Selain bermain di Malaysia adakah terdapat Negara lain?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], aaa selain bermain di Malaysia, saya pernah main dekat [di] Thailand beberapa kali lah dalam tujuh (7) kali macam tulah [itulah]. Saya pernah main *race* [berlumba] dekat Thailand dua (2) kali dekat aaa apa ni [ini] dekat Sadau, sekali lagi dekat Naratiwat saya ikut *race* [berlumba]. Tu [itu] yang lebih-lebih lagi saya cuma *practice* [berlatih] jela sebab saya ada kawan di Thailand. Kalau ada waktu lapang kalau saya ke sana saya akan cuba ajak dialah untuk *try practice* [cuba berlatih] di sana. Yela sebab di Thailand ni [ini] *track* [litar] dia berbeza daripada Malaysia dan saya nak cuba berlatih di tempat lainlah. Dekat Indon [Indonesia] saya pernah bermain sekali tapi saya tak *qualified* [berkelayakan] pun tapi saya pergi untuk saringan je [sahaja], tak [tidak] lepas dari *final* [akhir] pun. Masa tu [itu] daripada Malaysia yang pergi dalam tiga belas (13) orang, seorang je [sahaja] dapat pergi ke main *race* [perlumbaan utama] iaitu Gaban jela [sajalah] dia seorang. Itu pun dia dapat nombor dua puluh lebih daripada tiga puluh dua (32) *racer* [perlumba].

ANIS : Apakah penekanan utama yang encik terapkan untuk meningkatkan semangat kesukanan dalam motocross?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], aaa untuk motocross susah, susah juga nak jawab sebab untuk motocross ni [ini], semangat motocross ni [ini] sebenarnya semua *rider* [perlumba] ni [ini] macam satu *family* [keluarga] tak [tidak] kiralah kita daripada Selangor ke, daripada Kelantan. Macam motocross ni [ini] dia tak [tidak] ada istilah *racist* [perkauman], jadi setiap kali perlumbaan semua *rider* [perlumba] ini biasanya akan berkumpul sebab biasanya penganjur ni [ini] dia akan buat makan malam untuk bersantai macam BBQ ke apa. Jadi *time* [masa] itulah semua perlumba kategori ini berkumpul, berjumpa aaa *time* [mase] itulah kita dapat tingkatkan semangat yang ada sebab kalau nak dibandingkan

dengan sukan yang lain rasanya kita tak [tidak] dapat pengalaman macam dalam motocross ni [ini].

ANIS : Sebagai atlet kenapa sukan motocross ini perlu diteruskan?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], aaa sukan motocross ini sememangnya perlu diteruskan dekat Malaysia ni [ini] sebab aaa masa sekarang yang sedia ada ni [ini] litar di dalam Malaysia ni [ini] ada lebih kurang tiga puluh (30) litar motocross di semenanjung sahaja. Itu yang saya tahulah lebih kuranglah lebih kurang tiga puluh (30), jadi kalau kita tidak teruskan aaa untuk apa kita buat litar motocross sebanyak tu [itu]. Untuk apa untuk apa Kementerian Tempatan buat *track* [litar] tu [itu], jadi kalau kita tak [tidak] gunakan, tak [tidak] gunalah. Lagi satu (1), pada saya sukan permotoran di Malaysia ni [ini] perlu diberi pilihanlah jadi anak-anak muda ni [ini] dia tak [tidak] tertumpu pada satu jenis sukan je [sahaja] macam Motor GP sebab mentaliti orang Malaysia ni [ini], dia tahu sukan permotoran Motor GP, Culprit, itu dua (2) je. Macam sukan motocross ni [ini] dia tak [tidak] jarang-jarang disebut sebab kurang pendedahan saya rasa sebab itulah sukan motocross ini perlu diteruskan. Jadi, anak-anak muda ni [ini] dia akan ada pilihan untuk sukan mereka inilah. Tak [tidak] adalah dia orang ini nak pilih Culprit dengan Motor GP je sebab saya rasa motocross dengan culprit, mencabar lagi motocross kot. *Corner* [membelok] semua orang boleh *corner* [membelok], jalan lurus semua orang boleh laju tapi lompat Culprit tak [tidak] boleh lompat, Motor GP tak [tidak] boleh lompat, motocross je boleh lompat. Rasa saya itulah.

ANIS : Adakah terdapat saluran atau badan yang mengetengahkan sukan ini kepada khalayak ramai?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], aaa macam badan yang mengetengahkan sukan ini, badan persendirianlah setahu saya TQMX [sebuah kelab motocross] itulah, yang bertapak di Batu Pahat, Pasir Raja Batu Pahat. Saya rasa dialah yang banyak berusaha dalam masa lebih kurang lima (5) tahun ni [ini], TQMX [sebuah kelab motocross] inilah yang paling banyak berusaha. Satu lagi KEJORA, KEJORA pun banyak juga dia orang banyak keluarkan duit sendiri untuk naikan sukan motocross ini. Dia tak [tidak] dia bukan nak cari nama tapi dia orang ni [ini] betul-betul nak naikan sukan ini. Dia pun asal pun main

motocross, dia pun tahu persepsi masyarakat pandangan orang pasal [mengenai] sukan motocross ini. Jadi, dia rasa sukan motocross ini perlu dipertengahan. Dia pun ada modal, jadi dia buat *race* [perlumbaan], dia buat *sponsor rider* [penaja perlumbaan], dia buat *track* [litar] itu semualah. aaa untuk tahun sebelum-sebelum ini pun TQMX [sebuah kelab motocross] ini pun dia buat menganjurkan perlumbaan bersiri pusingan satu (1) Malaysia, maksudnya dia akan pusing seluruh semenanjung termasuk Sabah, Serawak untuk buat *race* [berlumba], untuk menaikkan nama motocross ini.

ANIS : Adakah sukan motocross hanya untuk individu dan bukan berkumpulan?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], aaa motocross ini sebenarnya dia tak [tidak] kesah kalau kita tak [tidak] ada kumpulan pun kita boleh *join* [mengikuti] kita, individu pun boleh *join* [mengikuti], ada kumpulan pun boleh *join* [mengikuti] sebab berkumpulan ni [ini] sebenarnya kita lebih mudah nak bergerak, lebih mudah untuk menyertai sesuatu perlumbaan pada saya sebab. Lagi satu (1), bila kita bila kita secara berkumpulan ini, macam kumpulan ini ada strateginya kalau daripada ahli kumpulannya ada berlumba dalam satu (1) kategori dia akan berpakatlah macam tulah. Tapi, kalau untuk individu ni [ini], pada saya pun senang juga kita nak [hendak] pergi *race* [berlumba] mana pun kita tak [tidak] kisah tak [tidak] ikut *time* [masa] orang, kita ikut *timing* [masa] kita sendirilah. Macam saya, saya bergerak solo, saya perlumba individulah jadi saya tak [tidak] perlu minta persetujuan orang ini, tak [tidak] perlu minta pendapat orang ini, tak [tidak] perlu minta duit orang ni [ini] untuk pergi kemana-mana *race* [perlumbaan]. Jadi, tengok mana ada *race* [perlumbaan], kerja pun tak [tidak] banyak boleh pergi, jadi saya akan terus pergi. Macam berkumpulan ini, mungkin minggu ni [ini] ada *race* [perlumbaan], tiga orang je [sahaja] boleh pergi lagi tiga orang tak [tidak] boleh pergi, aaa mungkin macam tulah [itulah] ada baik ada buruknya lah individu dengan berkumpulan ni [ini]

ANIS : Adakah kaum wanita juga boleh bermain motocross?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], itu sebenarnya mentaliti orang kita sebab orang kita tak [tidak] tahu sebenarnya ada juga kaum wanita yang main motocross. Aaa buat masa sekarang ni [ini] yang dah [sudah] lama bermain ni [ini] ada lebih kurang tiga (3) tahun, dua (2) oranglah daripada Perak seorang lagi daripada Kelantan. Umur lebih kurang dua puluh (20), dua puluh (20), sembilan belas (19) macam itulah tak [tidak] ingatlah, Aida dengan Syamirah, dua (2) orang tapi baru-baru ni [ini] daripada Pahang pun ada seorang, dua (2) orang daripada Pahang, seorang daripada Rompin seorang daripada Kuantan. Aaa dua (2) orang. Maksudnya keseluruhan ada empat (4) oranglah sekarang ini yang bermain dalam kategori, bermain dalam kategori novis dua (2) orang, bermain dalam kategori junior [muda] dua (2) orang.

ANIS : Sekiranya encik tidak lagi dalam sukan motocross apakah rancangan encik?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], sekiranya saya dah tak [sudah tidak] main motocross, kalau saya tak [tidak] main motocross pun saya akan libatkan diri secara tak [tidak] langsung jugalah dalam motocross ini, mungkin saya akan membantu dalam perlumbaan dari segi teknikal. Aaa macam tulah [itulah] dari segi *martial* ke walaupun saya dah tak [tidak] boleh main tapi mungkin saya bantu teknikal dari segi persiapan litar, persiapan pertandingan. Macam itulah.

ANIS : Adakah encik rasa bidang ini memberi manfaat kepada encik dan keluarga?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], nak kata bermanfaat tu [itu] pun sebenarnya memberi manfaat. Kalau kita membuat aktiviti yang berfaedah mestilah bermanfaat melainkan kita buat aktiviti yang tidak berfaedah macam kita pergi berlumba dekat atas jalan apakan tu tak [itu tidak] memberi manfaatlah tapi saya rasa motocross untuk saya dan keluarga banyak manfaatnya sebab semua orang yang saya jumpa dalam sukan motocross ini sampai ke akhir ini mengenali saya dan keluarga saya. Bila kami sekeluarga pergi kemana-mana jika tak [tidak] kisahlah pergi kemana-mana pun ada je [sahaja] tempat dituju, ada je [sahaja] kawan-kawan untuk dijumpa.

ANIS : Adakah sebarang aktiviti atau kempen mengenai sukan motocross ini yang dijalankan?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], aaa saya rasa tak [tidak] adalah, tak [tidak] ada kempen untuk motocross ni [ini] setakat ni [ini]. Saya tak [tidak] pernah dengar lagilah sebab saya rasa dekat Segamat ni [ini] sayalah yang paling aktif tapi tak [tidak] pernahlah mana-mana syarikat ke apa ke yang nak buat kempen ke apa lah ke kecuali TQMX [sebuah kelab motocross] jela, dia pernah datang ke UiTM [Universiti Teknologi Mara] untuk melobi untuk mencadangkan litar dalam motorcross ni [ini] dalam kawasan UiTM [Universiti Teknologi Mara] inilah untuk menaikkan nama sukan motorcross dan nama Universiti. Yang lain-lain saya rasa tak [tidak] pernah lagilah kalau macam kempen-kempen yang biasa tak [tidak] adalah. Dalam TV [televisyen], iklan dalam TV [televisyen] pun tak [tidak] pernah lagi.

ANIS : Ok [baiklah], kenangan manis encik dalam motorcross?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], kenangan manis saya dalam motorcross aaa saya jadi *champion* [juara], kenangan manislah jadi *champion* [juara]. Untuk semua kategori saya yang pernah saya lumba saya pernah jadi *champion* [juara], tulah [itulah] yang manisnya kenangan saya. Untuk yang tak [tidak] manisnya pula sebab saya pernah terlibat dalam kemalangan inilah kan, itu jela yang melibatkan kecederaan-kecederaan parah, patah-patah.

ANIS : Adakah terdapat isu dalam motocross?

EN. FAIRUS : Dalam motocross terdapat isu sebenarnya tapi disebabkan motocross ini tak [tidak], orang kata tak [tidak] *glamour* [terkenal] macam-macam sukan yang lain. Orang luar tak [tidak] tahu macam isu dalam motocross ini kebiasaannya isu hadiahlah sebab kadang-kadang macam penganjur macam saya pernah kena juga, penganjur menjanjikan hadiah sekian-sekian wang ringgit bila dah habis *race* [berlumba], dapat sampul surat buka sampul surat tengok hadiah duit tak [tidak] macam yang dijanjikan. Biasanya isu hadiah isu duit jela [sajalah].

ANIS : Apakah kelemahan sukan motocross ini?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], sukan motocross ini kelemahan dia, aaa kelemahan dia mungkin daripada segi aaa penyiaran, Ok [baiklah] dari segi keselamatan saya tak [tidak] pasti keselamatan penontonlah. Kelemahan dari segi keselamatan penonton sebab penonton pun satu juga kadang-kadang, yela orang teruja nak [hendak] tengokkan mungkin, yela macam motocross ni [ini] kita tak [tidak] ada pagar sekeliling litar. Jadi, penonton ni [ini] dia boleh pergi seberapa rapat yang mungkin dengan litar tu [itu] agak membahayakan diri penontonlah. Saya tak [tidak] pernahlah langgar penonton tapi saya pernah tengok [menyaksikan] kejadian depan mata dekat *track* [litar] motorcross Indahpura, Kulai masa itu ada penonton tu [itu] kena langgar dengan motorcross daripada Singapore *rider* [perlumba] Singapore. Dia langgar, dia dah terlajak lepas tu [itu] penonton tu [itu] rapat betul-betul rapat dengan laluan tu [itu] jadi motor tu [itu] terbabas terus langgar. Saya tak [tidak] tahulah macam mana, pergi dekat hospital. Kelemahan dia dari segi keselamatan penontonlah, keselamatan *rider* [perlumba] saya rasa Ok [baiklah], tapi keselamatan penontonlah mungkin kurangnya taklimat keselamatan dan pada *marial* kena jaga sekeliling litar rasanya bukan setakat dalam litar sebab dalam litar pun nak [hendak] kena jaga.

ANIS : Apakah strategi encik sendiri untuk meningkatkan prestasi?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], untuk meningkatkan prestasi pada diri saya akan terus berlatih sekiranya ada masa lapang. Kalau tak [tidak] ada masa lapang pun saya akan cari masa untuk berlatih sekurang-kurangnya dua puluh (20) minit ke tiga puluh (30) minit dalam masa seminggu. Seminggu tu [itu] dapat sekali pun cukuplah bagi saya yang penting benda, benda ini kena berterusan. Kalau motocross ini latihan dia kena berterusan barulah prestasi dia menaik.

ANIS : Adakah encik mahu ahli keluarga encik melibatkan diri dalam bidang motocross ini?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], aaa macam yang saya bagitahu tadi adik beradik saya yang lelaki memang semua terlibatlah tapi mana tahu akan datang saya dapat anak lelaki pun saya akan libatkan dia juga sebab saya tahu sukan ini arah dia

kemana, latihan dia macam mana. Saya sendiri pun mengalami saya rasa tak [tidak] mustahil saya akan libatkan anak saya suatu hari nanti tak [tidak] kiralah lelaki atau perempuan.

ANIS : Apa nasihat encik kepada generasi muda yang berminat untuk menyertai sukan ini?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], aaa daripada sayalah untuk generasi muda yang berminat aaa kalau berminat dengan sukan motocross ini teruskan. Mungkin ada masalah motor tapi kalau kita dah minat kita boleh berusaha sebenarnya kita boleh mulakan dengan motor yang harga yang mampu milik sebab macam dalam johor ini pun setiap daerah ada litar motocross tapi tak [tidak] ada alasan untuk golongan muda ini menyatakan yang tak [tidak] ada tempat untuk bermain motocross ini. Macam motor pun kalau kita tak [tidak] mampu untuk beli motocross yang sebenar-benar, kita boleh modifikasi motor yang sedia ada. Yela motocross ini ada juga kategori Cupcross ada kategori yang menggunakan motosikal biasa yang diubah suai jadi saya rasa tak [tidak] ada alasan untuk golongan muda sekarang ni [ini] untuk menyertai sukan ini. Lagi-lagi kalau dia orang berminat jadi saya rasa kalau berminat tak [tidak] ada apa-apa yang boleh menghalang daripada mereka yang meneruskan minat tu [itu].

ANIS : Antara ilmu dan pengalaman, yang manakah lebih penting?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], pada saya ilmu dan pengalaman ini sama-sama penting, sama-sama seimbanglah, perlukan keseimbangan sebab aaa yela kalau aaa kalau nak [hendak] kata pengalaman bila kita makin lama joint [menyertai] kita makin banyak ilmu, makin banyaklah kita boleh kita tonjolkan sebab kalau ilmu kita belajar daripada orang sampai satu (1) masa kita kena praktikan juga kita akan gunakan. Macam pengalaman pun sama juga, pengalaman kita tu [itu] kita akan gunakan juga nanti sama je [sahaja]. Macam motocross ini perlukan kedua-duanya, dia sama-sama penting.

ANIS : Apa pandangan encik terhadap motocross di Segamat?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], motocross di Segamat ni [ini] sebenarnya macam aaa. Motocross di Segamat ni [ini] sedang mengalami zaman kejatuhan sejak sekian lama bagi sayalah sebab saya rasa sukan motocross di Segamat ini dah

[sudah] lama adik beradik saya perjuangkan tapi masih tak [tidak] dapat perhatian daripada orang-orang yang berkenaan Kementerian ke apa kan. Jadi, tak [tidak] apalah disebabkan saya, disebabkan minat saya minat pada sukan ni [ini], saya tak [tidak] ambil kira tak [tidak] ambil kisah ada orang nak *sponsor* [menaja] ke, Kementerian Belia dan Sukan Segamat nak [hendak] ambil tahu ke saya letak nombor dua (2), nombor satu (1) saya letak minat saya. Jadi, walaupun orang nak [hendak] kata sukan motocross ini dekat Segamat ini telah berkubur tapi saya rasa saya tetap akan teruskan dengan sukan ini.

ANIS : Bagaimana pandangan encik terhadap motocross di Malaysia pula?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], untuk motocross di Malaysia kebelakangan ini saya tengok dah semakin baiklah rasanya penglibatan pun dah semakin ramai, rider [perlumba] muka-mua baru pun dah semakin banyak. Kalau macam dulu kategori novis tu nak cari sepuluh (10) orang pun agak susahlah macam mula-mula saya main novis dulu. Sekarang kategori novis terpaksa pula dipecahkan kepada dua (2) iaitu novis A, novis B kadang-kadang terpaksa buat saringan sebab dah ramai *rider* [perlumba] baru-baru yang nak [hendak] *join* [menyertai], dia orang tak [tidak] boleh bermain expert [professional], jadi dia orang main novis. Jadi, dia orang dah terlampau ramai kena pecahkan lagi kategori. Dekat situ kita dah [sudah] nampak dah [sudah] orang dah semakin ramai mengenali motocross, dah semakin minat motocross.

ANIS : Adakah encik bersetuju jika kerajaan menghantar atlet-atlet berlatih di luar negara?

EN. FAIRUS : Saya memang sangat-sangat setuju yela sukan lain Kerajaan boleh hantar, apa salahnya sukan motocross ini pun Kerajaan hantar sebab ada je [sahaja] orang persendirian yang menghantar anak ke *US* [United Stated], ke KTM US, ke Kawasaki Thailand untuk berlatih dan hasilnya sangat-sangat memberangsangkan dan sangat menjadilah walaupun tempoh yang dihantar tu [itu], tak [tidak] sampai setahun tapi bila dia balik ke Malaysia, kita tengok hasilnya memang menjadi. Jadi, kalau Kerajaan kita dapat hantar atlet-atlet kita berlatih dekat luar negara, saya rasa tak [tidak] mustahil kita punya sukan

motocross ini akan lebih maju akan lebih advance [maju] daripada Thailand dan Indonesia.

ANIS : Pada pendapat encik, adakah atlet motocross yang mewakili Malaysia memiliki kualiti yang tinggi dan mencukupi?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], aaa atlet motocross Malaysia yang mewakili Malaysia ini quality tu [itu] memang ada memang tinggi dan mencukupi tapi saya rasa dari segi masalahnya mungkin dari segi disiplinlah sebab kita orang Malaysia ni [ini] semua sama je [sahaja] bagi saya orang Malaysia ni [ini]. Masalah disiplin tu [itu] memang tak [tidak] boleh dipisahkan. Jadi, saya rasa kalau kita nak terus maju kalau nak terus tunjukan pada orang yang kita boleh kita kena ubah kita punya disiplinlah. Itu je [sahaja] pada saya.

ANIS : Apakah pendapat encik jika motocross ini tiada pelapis?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], kalau tak [tidak] ada pelapis sukan motocross dekat Malaysia ini, tak [tidak] lama lagi lenyaplah bendera kita dekat perlumbaan motocross Asia sebab sekarang ini pun bendera kita dah [sudah] berada di bawah-bawah Asia yang lain. Jadi, kalau tak [tidak] ada pelapis yang nak kata bermula pada sekarang ini, saya rasa memang satu (1) masa nanti memang pupus terus bendera kita daripada senarai kejohanan. Saya takut macam itu je [sahaja].

ANIS : Apakah cadangan encik untuk memberi semangat kepada belia untuk melibatkan diri dalam motocross ini?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], aaa kalau kita nak libatkan belia (sambil batuk) senang je [sahaja] kerajaan kena bagi pendedahan kena buat kempen itu je [sahaja]. Kerajaan kena main perananlah kalau sukan lain kerajaan boleh dedahkan pada orang, kenapa sukan motorcross kerajaan tak [tidak] boleh dedahkan. Sedangkan sukan motorcross ini dia punya kos lebih rendah daripada sukan Culprit, sukan Motor GP. Jadi, saya rasa pihak kerajaan sepatutnya membuat aktiviti kempen, membuat klinik sukan untuk motocross ini.

ANIS : Adakah encik rasa sukan motocross ini boleh menyumbang sesuatu kepada Negara?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], aaa untuk negara saya rasa sebenarnya apa-apa sukan pun memang menyumbangkan nama pada negara, jadi, kita (sambil batuk). Sekarang Malaysia ini tak [tidak] ada *ranking* [kedudukan] dalam *world motocross* [kategori dunia], jadi kalau sukan motocross kita ni [ini] jadi tak [tidak] maju, tak [tidak] *advance* [maju], kerajaan tak [tidak] *support*, *fully support* [menyokong sepenuhnya], belia ramai main yang bagus-bagus boleh hantar di luar negara. Tak [tidak] mustahil nanti negara kita pun akan tersenarai dalam *world champion ship* [kategori sukan], Tak [tidak] salah saya rasa sebab yela *ranking* [kedudukan] dunia *world ranking* [kedudukan dunia]. Motocross ini pun dekat Malaysia je tak [sahaja tidak] *glamour* [terkenal], dekat luar Malaysia sangat-sangat *glamour* [terkenal] sampaikan east game [perlumbaan timur] pun dia akan adakan acara motocross. Kenapa kita tak [tidak] cuba menaikan motocross ini sebab itulah sukan ini boleh menaikan nama negara, kenapa kita tak nak [tidak mahu].

ANIS : Ok [baiklah], apakah harapan encik dalam sukan ini?

EN. FAIRUS : Ok [baiklah], saya sebenarnya berharap sukan motocross ini satu hari nanti akan berada setaraf dengan sukan-sukan lain dekat Malaysia ini. Contohnya, sukan badminton, sukan bola sepak. Yela, sekarang ni [ini] rakyat Malaysia ni [ini] dia cuma tahu sukan badminton, bola, badminton, bola. Bola kalah pun *support* [sokong]. Menang pun *support* [sokong]. Cuba motocross ini dia buat macam tu [itu] kita *support* [sokong] daripada bawah sampai ke atas barulah orang kenal. Kita yela saya harap terutamanya golongan belia, golongan muda macam saya, macam kamu ini kan dapatlah berbuat sesuatu pendedahan pada belia pada orang ramai pada orang luar betapa pentingnya sukan motocross ini dan yela kita dalam Malaysia ini pun banyak tempat, ada banyak *track* [litar] motorcross ini. Jadi, kalau bukan kita kalau bukan anak-anak muda ini yang menggunakan *track-track* [litar-litar] ini, jadi siapa lagi yang nak [hendak] gunakan. Lagi satu (1) saya harap pihak kerajaan, pihak belia, Kementerian Belia dan Sukan dapatlah *support* [menaja] anak-anak muda yang nak [hendak] nak *join* [menyertai] sukan motorcross ini. Bukan kata nak *join*

[menyertai], yang dah lama *join* [menyertai] ini pun sepatutnya diberikan perhatian sebab mereka inilah yang akan menaikkan nama Malaysia suatu hari nanti pada saya.

Terima kasih, sekian sahaja wawancara sejarah lisan bersama En. Muhammad Fairus Bin Abdul Shukor pada hari ini.

**NAMA
INDIVIDU
YANG
DISEBUT**

8.0

NAMA INDIVIDU YANG DISEBUT

Masa	Subjek	Perincian Subjek
00:44	Beliau menceritakan mengenai latar belakang beliau dan adik-beradik yang terlibat dalam motocross.	-Encik Muhammad Fairus Bin Abdul Shukor -Agus -Encik Abdul Shukor Bin Abdul Majid -Puan Rokiah Binti Kadirun -Encik Muhammad Farid -Encik Muhammad Faizal -Encik Muhammad Fazli -Cik Nur Faizah
20:59	Menceritakan mengenai atlet yang terlibat dalam freestyle	-Azri Hj Mahadi
58:35	Menceritakan mengenai ahli keluarga yang banyak mendorong	-Encik Abdul Shukor
1:05:03	Jurulatih beliau selain menonton di Youtube	-Encik Nizam
1:15:59	Idola beliau dalam sukan motocross dalam dan luar Negara.	-Al-Amirul Asyahid Bin Rashid (Gaban) -James Stewart
1:21:17	Beliau juga pernah berlumba dengan atlet motocross dalam Negara.	-Gaban & Gabit -Zulfahmi Kamarudin
1:32:25	Atlet motocross wanita dari Selangor dan Perak	-Aida -Syamirah

LOG WAWANCARA

9.0 LOG WAWANCARA

Masa	Topik	Huraian
03:41	BAHAN BACAAN <ul style="list-style-type: none"> Majalah dari luar Negara 	-dari Australia -dari US
04:29	SEJARAH MOTOCROSS <ul style="list-style-type: none"> Tahun 1924 Tahun 1975 	-diperkenalkan di British -Jepun pengeluar motocross terbesar di dunia -Amerika Syarikat ramai atlet motocross
07:19	MOTOCROSS BERTAPAK DI MALAYSIA <ul style="list-style-type: none"> Tahun 1980-an 	-TRIMUS LIVITA memperkenalkan sukan motocross.
10:44	MULA BERKECIMPUNG <ul style="list-style-type: none"> Tahun 2000 Umur 15 tahun 	- dibawa oleh ayah beliau menyaksikan perlumbaan motocross
12:03	JENIS MOTOCROSS <ul style="list-style-type: none"> 4 jenis 	-Motad -Trail -Motocross -Freestyle
15:03	JENIS LITAR <ul style="list-style-type: none"> Ada dua 	-Flat track -Track MX
16:25	JENIS MOTOCROSS DIMILIKI <ul style="list-style-type: none"> Ada empat 	-Honda CRF 250 -Yamaha YZ 125 -Cupcross yang dimodifikasi -Demax 150
18:50	MEMBELI MOTOCROSS <ul style="list-style-type: none"> Order dengan ejen 	-Kawasaki -Naza Byte

26:26	LESEN <ul style="list-style-type: none"> • Keluarkan lesen 	<ul style="list-style-type: none"> -Sepang International circuit (SIC) -MAM ambil alih
33:38	PENCAPAIAN <ul style="list-style-type: none"> • First ranking • Champion 	<ul style="list-style-type: none"> -Open Johor -kategori expert dan novis -Cupcross Open -Trail
35:00	CABARAN UTAMA	<ul style="list-style-type: none"> -Sebelum pergi -Semasa perlumbaan
37:40	KELAB MOTOCROSS	<ul style="list-style-type: none"> -Banyak kelab -setiap daerah dalam negeri ade 2 atau 3 kelab
39:57	KECEDERAAN PERNAH DIALAMI	<ul style="list-style-type: none"> -koyak peha -siku berjahit -pergelangan kaki kanan patah -keting patah -lutut retak -patah lengan -bahu kanan patah
44:47	STRATEGI BERMAIN	<ul style="list-style-type: none"> -First round -pertengahan 2 lap dan 3 lap terakhir all out
45:48	GANJARAN <ul style="list-style-type: none"> • Wang tunai • Sampingan • Overall champion 	<ul style="list-style-type: none"> -RM 1500- RM 5000 -helmet -RM 25 000 dan satu set pakaian sukan motocross
47:00	BADAN UNTUK DANA <ul style="list-style-type: none"> • Support rider seluruh Malaysia • Milik persendirian 	<ul style="list-style-type: none"> -KBS -TQMX

52:00	SESI LATIHAN	-Tidak menentu -Minimum sekali 3 kali seminggu
52:48	STAMINA <ul style="list-style-type: none"> • Pantang 	-tidur awal -berbasikal -minum air masak banyak
55:10	KEMAHIRAN ASAS	-Pandai bawak motor -Berani
55:52	KEMAHIRAN SUKAR	= Corner ring
59:45	KELEBIHAN MOTOCROSS	-Pergi macam-macam tempat -Ramai kawan
1:05:03	JURULATIH <ul style="list-style-type: none"> • 50% di youtube • 50% rakan 	-Encik Nizam
1:07:00	LANGKAH PERMULAAN	-Minat -Sokongan keluarga
1:09:04	BADAN NAIKKAN MOTOCROSS <ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Belia & Sukan 	-KBS
1:10:33	KEMAHIRAN ASAS	-lebihkan stamina
1:13:38	MOTOCROSS KURANG DIKENALI	-Kurang media -Kurang penyiaran
1:17:58	IDOLA <ul style="list-style-type: none"> • Dalam negara • Luar negara 	-Al-Amirul Asyahid Bin Rashid (Gaban) -James Stewart

1:19:08	PERBEZAAN ATLET DALAM & LUAR NEGARA	-Cara latihan -Teknik -Motor -Disiplin
1:28:54	BADAN KETENGAHKAN SUKAN	-TQMX -KEJORA
1:34:18	MEMBERI MANFAAT	-Berfaedah -Mengenali beliau dan keluarga
1:36:18	KENANGAN MANIS • Jadi champion semua kategori	
1:36:45	KENANGAN PAHIT • Terlibat dalam kemalangan	
1:37:06	ISU MOTOCROSS • Isu hadiah	-penganjur janjikan hadiah lain tapi lain yang diterima
1:38:00	KELEMAHAN MOTOCROSS	-Keselamatan penonton -Tiada pagar
1:39:50	MENINGKATKAN PRESTASI	-Berlatih 20-30 minit
1:42:45	ILMU & PENGALAMAN	-Perlu seimbang
1:53:42	PANDANGAN DI SEGAMAT	-Sedang mengalami zaman kejatuhan -Masih tiada perhatian
1:45:22	PANDANGAN DI MALAYSIA	-Semakin baik -Banyak pelumba baru dalam Novis A dan B
1:49:11	LIBATKAN BELIA • Kerajaan perlu mainkan peranan • Kos yang lebih rendah daripada sukan-sukan lain	-KBS

1:50:13	SUMBANGAN KEPADA NEGARA	-Semua sukan menyumbangkan nama pada Negara
1:51:45	<p>HARAPAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berharap sukan motocross sama taraf dengan sukan bola sepak dan badminton dalam Malaysia. • Belia harus main peranan • Kerajaan support anak-anak muda sekarang 	<p>-kerajaan</p> <p>-Kementerian Belia & Sukan</p>

KRONOLOGI

10.0 KRONOLOGI

TARIKH	PERKARA	ORANG YANG TERLIBAT
21/5/2015	Berbincang bersama rakan tugas untuk memilih tokoh yang sesuai untuk ditemubual. Membuat keputusan untuk menemubual tokoh sukan motocross di Segamat.	Izyan & Anis
4/6/2015	Berjumpa dengan pensyarah bagi menanyakan dan meminta nasihat mengenai tokoh yang kami pilih.	Encik Zul Azmi
11/6/2015	Berjumpa dengan Encik Fairus untuk mendapatkan kebenaran dan sesi temubual berikutnya.	Encik Fairus
12/6/2015	Memulakan soalan orientasi bersama rakan tugas.	Izyan & Anis
15/6/2015	Menunjukkan soalan kepada pensyarah untuk diperbetulkan.	Encik Zul Azmi
17/6/2015	Berjumpa dengan tokoh sukan untuk mendapatkan maklumat awal dan mula membuat soalan umum dan terperinci bersama rakan.	Encik Fairus, Izyan & Anis
22/6/2015	Perjumpaan dan temubual secara rasmi bersama tokoh sukan motocross.	Encik Fairus
23/6/2015 – 27/6/2015	Menyiapkan transkrip temubual bersama rakan tugas.	Izyan & Anis
30/6/2015	Penyerahan audio dan transkrip kepada pensyarah.	Encik Zul Azmi

SENARAI SOALAN

11.0 SENARAI SOALAN

11.10 SOALAN ORENTASI

1. Boleh encik perkenalkan diri?
2. Adakah encik telah berumah tangga?
3. Latar belakang pendidikan pula?
4. Apakah profession utama encik?
5. Apakah sebenarnya cita-cita encik?
6. Apakah hobi encik?
7. Apakah terdapat bahan bacaan yang encik baca khususnya dalam sukan ini?

11.20 SOALAN UMUM

8. Adakah encik tahu sejarah mengenai motocross?
9. Bilakah motocross bertapak di Malaysia?
10. Sejak umur berapa dan bagaimana encik berkecimpung dalam motocross?
11. Ada berapa jenis motocross?
12. Apakah yang dimaksudkan dengan “trail”?
13. Kenapa tengahari dijadikan waktu yang sesuai untuk berlumba?
14. Apakah jenis litar yang digunakan?
15. Berapa jenis motocross yang encik miliki?
16. Dari manakah encik mendapatkan dan membeli motocross?
17. Adakah penggunaan spek mempengaruhi sukan motocross?
18. Apakah yang dimaksudkan dengan “freestyle”?
19. Apakah cara untuk memastikan kemenangan dalam motocross?
20. Apakah pemakaian juga mempengaruhi sukan motorcross?
21. Apakah bahan yang digunakan untuk membuat pakaian dalam sukan motocross?
22. Pada pandangan encik apakah keistimewaan sukan ini?
23. Apakah pencapaian tertinggi encik?
24. Apakah cabaran utama encik lalui?
25. Kemanakah kos yang dibelanjakan?
26. Apakah tahap kelayakan pemain untuk mendapat tajaan?
27. Adakah terdapat kelab motocross?
28. Apakah dimaksudkan dengan expert dan novis?

29. Apakah risiko utama boleh terjadi bagi seseorang yang terlibat dalam motorcross?
30. Apakah jenis kemalangan atau kecederaan yang encik hadapi?
31. Berapa tempoh masa untuk sembuh sepenuhnya?
32. Apa risiko jika encik tidak mematuhi nasihat doctor?
33. Adakah terdapat ganti rugi atau pun perlindungan sekiranya pemain mengalami kecederaan?
34. Apakah strategi yang encik miliki semasa bermain?
35. Apakah jenis ganjaran yang ditawarkan?
36. Adakah terdapat badan yang menyalurkan dana untuk pemain motocross?
37. Bilakah dan bagaimanakah encik mendapatkan lessen?
38. Berapa kali encik berlatih dalam seminggu?
39. Bagaimanakah encik meningkatkan stamina encik?
40. Adakah pengambilan makanan juga mempengaruhi prestasi?
41. Apakah peringkat umur yang sesuai untuk bermain motocross?
42. Apakah kemahiran asas yang perlu ada?
43. Apakah kemahiran paling sukar dalam motocross?
44. Bagaimanakah encik membahagikan masa bekerja dan waktu bermain sukan ini?
45. Siapakah ahli keluarga yang banyak mendorong encik?
46. Apa kelebihan yang encik peroleh daripada sukan motocross?
47. Adakah terdapat sebarang pantang larang yang encik perlu patuhi?
48. Adakah encik merasa puas hati dengan pencapaian sekarang?
49. Selain motocross, adakah terdapat sukan lain yang encik minati?
50. Mengapa tidak diteruskan?
51. Jika encik bukan ahli sukan siapakah encik?
52. Siapakah jurulatih encik?
53. Adakah jurulatih memberikan impak yang besar terhadap pemain motocross?
54. Apakah langkah untuk bermula dalam motocross?
55. Apakah perbezaan motocross dengan sukan yang lain?
56. Adakah terdapat badan yang dapat membantu untuk memulakan sukan motocross?
57. Boleh jelaskan sedikit tentang kemahiran asas yang penting dalam motocross?
58. Selain belajar di youtube, adakah cara lain yang encik pelajari?
59. Apakah faktor sukan ini tidak dikenali rakyat Malaysia?
60. Bagaimana ciri ciri atlet pemain motocross?

61. Apakah tahap masa yang diperlukan bagi seseorang pemain itu memiliki sepenuh kemahiran dalam sukan motocross?
62. Siapakah idola encik?
63. Apakah perbezaan atlet motocross di dalam dan luar negara?
64. Adakah encik pernah berlumba dengan atlet di dalam Malaysia?
65. Dari manakah encik selalu mengikuti perkembangan motocross Malaysia?
66. Selain bermain di Malaysia adakah terdapat Negara lain?
67. Apakah penekanan utama yang encik terapkan untuk meningkatkan semangat kesukanan dalam pasukan?

11.30 SOALAN TERPERINCI

68. Sebagai atlet kenapa sukan motocross ini perlu diteruskan?
69. Adakah terdapat saluran atau badan yang menengahkan sukan ini kepada khalayak ramai?
70. Adakah sukan motocross s hanya untuk individu dan bukan berkumpulan?
71. Adakah kaum wanita juga boleh bermain motorcross?
72. Sekiranya encik tidak lagi dalam sukan ini apakah rancangan encik?
73. Adakah encik rasa bidang ini memberi manfaat kepada encik dan keluarga?
74. Adakah sebarang aktiviti atau kempen mengenai sukan ini yang dijalankan?
75. Kenangan manis encik dalam motocross?
76. Apakah kelemahan motocross ini?
77. Adakah terdapat isu dalam motocross?
78. Adakah terdapat badan yang boleh menaikan sukan ini?
79. Apakah strategi encik sendiri untuk meningkatkan prestasi?
80. Adakah encik mahu ahli keluarga encik melibatkan diri dalam bidang motocross ini?
81. Apa nasihat encik kepada generasi muda yang berminat untuk menyertai sukan ini?
82. Antara ilmu dan pengalaman, yang manakah lebih penting?
83. Pandangan encik terhadap motocross di Segamat?
84. Pandangan encik terhadap motocross di Malaysia?
85. Adakah encik bersetuju jika kerajaan menghantar atlet-atlet berlatih di luar negara?
86. Pada pendapat encik, adakah atlet motocross yang mewakili Malaysia memiliki kualiti yang tinggi dan mencukupi?
87. Apakah pendapat encik jika motocross ini tiada pelapis?

88. Apakah cadangan encik untuk memberi semangat kepada belia untuk melibatkan diri dalam motocross ini?
89. Adakah encik rasa sukan motocross ini boleh menyumbang sesuatu kepada Negara?
90. Apa harapan encik dalam sukan ini?

RUMUSAN

12.0 RUMUSAN

Kesimpulannya, setelah melakukan sesi temubual bersama Encik Muhammad Fairus Bin Abdul Shukor sebagai atlet motorcross ini dijalankan kita dapat mengetahui serba sedikit mengenai motocross khususnya di Segamat ini. Selama ini kita mungkin tidak menyedari malahan kita tidak mengetahui apa-apa mengenai kewujudan dan juga perkembangan sukan motocross. Setelah Encik Muhammad Fairus Bin Abdul Shukor memberitahu mengenai pengalaman beliau dan juga menyuarakan pendapat serta luahan mengenai isu motocross di Negara Malaysia, kami berharap agar sukan ini diambil perhatian dan terus maju. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab sewajarnya mengambil langkah bijak agar sukan motocross ini lebih mendapat tempat dan dikenali ramai terutama sekali rakyat di Malaysia ini. Bukan saja bakal dikenali ramai seterusnya dapat mengharumkan nama Malaysia di persada dunia pada suatu masa nanti.

RALAT

13.0 RALAT

Ralat adalah gangguan yang terdapat semasa proses temubual ini dijalankan. Berikut adalah antara ralat yang terjadi ketika proses temubual ini dijalankan:-

- Bunyi penghawa dingin
- Bunyi suara berbisik
- Bunyi orang batuk
- Bunyi gerakan kerusi
- Bunyi selakan helaian kertas dan buku
- Bunyi pintu dibuka
- Bunyi telefon berdering
- Bunyi mesin fotokopi
- Bunyi suara ketawa
- Bunyi perbualan di luar bilik mesyuarat

RUJUKAN

14.0 RUJUKAN

- (2012). *Motocross* : the different types of motocross racing. Retrieved June, 22, 2015
From <https://motocrossmania.wordpress.com/2012/07/15/motocross-the-different-types-of-motocross-racing/>
- (2012). Galak belia terlibat sukan “motocross” : *Majlis Belia Malaysia*. Retrieved June 22, 2015 from <http://belia.org.my/wp/?p=1057>
- (2014). Motocross : *Action magazine*. Retrieved June 22, 2015 from <http://motocrossactionmag.com/bike-tests/yamaha-tests/2014-mxa-250-four-stroke-shootout-crf250-vs-kx250f-vs-250sxf-vs-rm-z250-vs-yz250f>
- Astarawistana. (2011). Ekstrem dengan motocross: *Karyaku tanpa batasan*. Retrieved June 24, 2015 from <http://astarawistana-momoi.blogspot.com/2011/05/ekstrem-dengan-motorcross.html>
- Atom. (2013). Sejarah supermotor/supermotard: *Nimotarianz Perak*. Retrieved June 24, 2015 from <http://nimotarianzperak.blogspot.com/2013/08/sejarah-perlumbaan-supermosupermotard.html>
- Saifuddin Abdullah. (2002). Membangun industri sukan bermotor Negara: *Utusan Online*. Retrieved June 24, 2015 from http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=0316&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_06.htm

INDEKS

15.0 INDEKS

A

Aida 47,56

C

Champion 24,26,27,31,37,42,48,53,59,61

Cupcross 20,21,26,27,50,58,59

D

Demax 21,58

E

Expert 20,23,24,27,28,34,41,42,43,51,59,66

F

Flat 20,58

G

Gaban 42,43,44,56,60

Gabit 43,56

H

Honda 20,21,58

J

Jepun 17,22,31,58

K

KBS 6,31,39,59,60,61

L

Lap 23,30,40

N

Novis 20,23,24,27,28,47,51,59,61

P

Podium 27,37

S

Syamirah 47,56

Supercross 18,19,20

T

TQMX 32,45,46,48,59,61

LAMPIRAN

16.0 LAMPIRAN



Encik Fairus bersama pelawak terkenal Achey



Encik Fairus bersama rakan-rakan sepasukan



Persediaan pelumba motocross sebelum perlumbaan dimulakan



Litar yang digunakan dalam perlumbaan motocross



Antara kemahiran yang digunakan dalam sukan motocross



Encik Fairus bersama penulis

